

BULETIN KPKT

VOLUME 3/2012

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



KPKT BERAZAM TERUSKAN KERJA KERAS



Pelbagai program, inisiatif disasarkan pada tahun 2013



LARIAN JOM! KITAR SEMULA DAN HABITAT 2012 CATAT KEJAYAAN DALAM THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS

Mukasurat 15

SEMANGAT CEKAL WIRA API

Mukasurat 22

ISSN 1394-0538



Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak
Ketua Setiausaha

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Sem. Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Jabatan Landskap Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar
Bahagian Inspektorat
Bahagian Kewangan Dan Perolehan
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Bahagian Pemberi Pinjam Wang Dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Audit Dalam

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada
warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan ke:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5556
Faks : (603) 8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5000
Faks : (603) 8891 5557
Laman web : www.kpkt.gov.my
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

Tinta Pena Sidang Redaksi

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1Malaysia,

Terlebih dahulu, sidang redaksi Buletin KPKT ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan di atas sumbangan input dan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buletin KPKT. Keluaran terakhir Buletin KPKT bagi tahun 2012 ini memuatkan pelbagai aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh KPKT sepanjang bulan September hingga Disember 2012 yang merupakan bingkisan kepelbagaian inisiatif penambahbaikan oleh KPKT dalam usaha menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat.

Antara program yang paling signifikan, memberi impak besar dan menjadi touch point kepada rakyat ialah Program My Beautiful Neighbourhood (MyBN) di bawah 7th National Blue Ocean Strategy (NBOS 7). Program MyBN ini telah berjaya membaik pulih lapan (8) projek rumah pangsa awam, pembinaan semula lima (5) buah rumah terbakar, menaik taraf lapan (8) projek kemudahan infrastruktur dan rumah pangsa awam, pengindahan landskap dan tempat awam di 33 lokasi; dan menjalankan 36 aktiviti gotong-royong, kempen pembersihan dan kesedaran awam. Disamping itu, Program MyBN juga telah berjaya menyuntik semula semangat kesukarelawan di kalangan 33,000 penduduk dan 1,200 belia rumah pangsa yang terlibat serta menyelesaikan isu kebersihan, penyelenggaraan infrastruktur dalaman dan luaran bangunan, taman rekreasi, gelanggang sukan serta kawasan sekitarnya.

Bagi tahun 2013 pula, KPKT memberi penumpuan yang lebih dalam penyediaan rumah mampu milik. Usaha untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat Malaysia, terutamanya bagi pembeli kali pertama, telah diberi perhatian utama di bawah Bajet 2013 yang mana sejumlah RM1.9 bilion telah diperuntukkan untuk membina 123,000 rumah mampu milik di lokasi strategik di seluruh negara. Sehubungan itu, Kementerian telah memberikan peruntukan sebanyak RM543 juta kepada Jabatan Perumahan Negara untuk membina 45 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan kapasiti 20,454 buah rumah di seluruh negara mulai tahun 2013.

Dikesempatan ini, sidang redaksi mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua pembaca Buletin KPKT. Dengan terlaksananya lembaran tahun baru ini, diharapkan warga KPKT memperkukuhkan lagi tekad dan keazaman serta mempertingkatkan dan melipat gandakan lagi usaha agar KPKT dapat mengukir kejayaan yang lebih besar dan lebih memberangsangkan pada tahun baru 2013.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Volume

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

AFFORDABLE HOUSING BOON

(Special interview with YB Dato' Seri Chor Chee Heung)

EFFORTS to address the housing needs of Malaysians, especially for first-time buyers, have been given a big boost under Budget 2013. A total of RM1.9 billion has been allocated to build 123,000 affordable houses in strategic locations nationwide. YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Minister of Housing and Local Government 0074 expresses his delight at the significant and timely "shot in the arm" measure towards meeting the demand for affordable houses and comfortable living from the rakyat.

"This budget is the best as far as I am concerned. It is all-encompassing. Every stratum of the community receives something good, be it pensioners, students, youths and those who are working. In terms of housing, I'm very satisfied because the government has been very generous. It realizes the importance of affordable housing, hence the huge funds allocated for the ministry to build houses for the rakyat. The 1Malaysia People's Housing Scheme (PR1MA), Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) and the National Housing Department have been entrusted with the task of building both low-and-medium cost houses, which will be sold lower than the market value. PR1MA will be allocated RM500 million to build 80,000 units in collaboration with private housing developers in major locations nationwide such as Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor Baru, Seremban and Kuantan. The house prices under this programme will be 20 per cent lower than market price, with the units disbursed via an open balloting system."

Dato' Seri Chor praises the government for acknowledging that comfortable and affordable housing is the most important basic necessity for the rakyat. The government is committed in ensuring that everyone is given the chance to own a house. A sum of RM320 million will be allocated through SPNB to build 22,855 residential units, including low and medium-cost apartments and affordable units under the 'Rumah Mesra Rakyat' and 'Rumah Mampu Milik' programmes.

The housing projects entrusted to the agency, which will commence immediately, include 1,855 medium cost apartment units with a built-up area of 850 square feet in Shah Alam and Sungai Buloh. They will be sold from RM120,000 to RM220,000 per unit. Under the "Rumah Mesra Rakyat" programme, a total of 21,000 units will be built in 2013. To be priced at RM65,000 per unit, buyers will enjoy a subsidy of RM20,000 as well as a two per cent subsidy on the interest rate.

People's Housing Project

Dato' Seri Chor says RM543 million will be made available to the National Housing Department to fund 45 projects under the People's Housing Project (PPR) which will be built using the industrialised building system. Each unit will be sold between RM30,000 and RM40,000, a huge savings for buyers as the market price is about RM120,000 per unit. 20 per cent of the total number of houses will be offered to public sector employees and one per cent to the disabled.

The PPR scheme is introduced to help Malaysians with a household income of less than RM2,500 a month to own a house. Since its introduction in 1998, the Ministry has developed 65 projects, involving 66,441 units for rental and 23 projects comprising 3,109 units for sale.

Revival of abandoned housing projects

The Ministry has been given RM100 million to revive 30 abandoned housing projects. Private companies, meanwhile, will be given tax incentives to encourage their participation in reviving abandoned projects. It will cover projects involving units costing between RM42,000 and RM100,000. The incentives include:

- banks to enjoy tax exemption on interest income received from the rescuing contractor/developer;
- rescuing developer given a double deduction on interest paid and all direct costs incurred in obtaining loans;
- rescuing contractor given stamp duty exemption on all instruments executed for the purpose of transfer of land or houses and loan agreements to finance the cost of revival; and
- original house buyer in the abandoned project given stamp duty exemption on all instruments executed for the purpose of obtaining additional finance and the transfer of the house.

Dato' Seri Chor believes the incentives will encourage more developers to revive abandoned projects while banks will also be more keen to give out loans. The incentives can help pave the way to revive abandoned projects involving at least seven to eight thousands buyers.

MEDIA HIGHLIGHTS



Stamp Duty Exemption

In the 2009 Budget, the government had given a 50 per cent stamp duty exemption on the instrument of transfer agreements and loan agreements for the purchase of the first residential property of up to RM350,000. For next year, it has been proposed that the exemption be extended to Dec 31, 2014 with the price limit raised to RM400,000.

Revision of Real Property Gain Tax

Dato' Seri Chor says limited supply of real property, especially in urban areas, has led to speculative activities. To address the problem, the real property gains tax (RPGT) from the disposal of properties made within a period not exceeding two years from the date of purchase will be taxed at 15 per cent, and 10 per cent for within a period of two (2) to five (5) years. The tax structure is not applicable for property disposed after five years from the date of acquisition. In addition, gains from the disposal of one residential property once in a lifetime and disposal of properties based on love and affection between husband and wife, parents and children, grandparents and grandchildren are also exempted from RPGT.

Heading Forward

Dato' Seri Chor feels the government has done fairly well in providing houses for the low-income group under the PPR scheme. Now, the focus is to build more houses for the middle income group. The move has shifted into high gear since last year with the introduction of PR1MA, a programme to provide middle-income earners in cities nationwide the opportunity to own their first home costing between RM150,000 and RM300,000, depending on the location.

Buying a home is an important goal for every couple, especially those living in urban areas, who also have to grapple with a higher cost of living. Hence, the introduction of PR1MA and 'My First Home Scheme' to enable more Malaysians to own their first house, the scheme, launched under the previous budget, will be improved by increasing the income limit for individual loans from RM3,000 to RM5,000 per month or joint loans of husband and wife of up to RM10,000 per month. In addition, the requirement for a savings record equivalent to three months instalment and minimum employment of six months has been abolished.

Dato' Seri Chor calls on housing industry players to play their role in meeting the demand for affordable houses. "We need to find ways to build such houses for the people. One way is to have projects in the outskirts such as Rawang, Kajang, Semenyih and Tanjung Malim. These areas may be far from the city but with a more improved public transportation, they can turn into choice locations."





KPKT BERAZAM TERUSKAN KERJA KERAS

*Pelbagai program, inisiatif disasarkan pada tahun 2013
(Temubual Khas bersama YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)*

Ketika tahun 2012 bakal melabuhkan tirainya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus merencanakan pelbagai inisiatif dan program yang bertujuan memberi dan juga meningkatkan lagi kemudahan kepada rakyat di negara ini. Sambil menyatakan kerja keras yang dijalankan tidak akan terhenti pada tahun ini, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Chor Chee Heung berkata, penyediaan rumah rakyat merupakan antara usaha-usaha yang akan dilaksanakan pada tahun depan.

Pada masa ini, KPKT dan kerajaan pusat memainkan peranan penting dalam merealisasikan usaha membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri. Dato' Seri Chor berkata, kerajaan pusat sendiri telah memberi arahan kepada tiga (3) agensi kerajaan termasuk KPKT untuk membina lebih banyak rumah mampu milik. Beliau berkata, tiga (3) agensi kerajaan yang diberi kepercayaan untuk merealisasikan hasrat tersebut adalah Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di bawah Jabatan Perdana Menteri, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di bawah Jabatan Kewangan dan Jabatan Perumahan Negara di bawah KPKT.

Kementerian telah memberikan peruntukan sebanyak RM543 juta kepada Jabatan Perumahan Negara untuk membina 45 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan kapasiti 20,454 buah rumah di seluruh negara mulai tahun hadapan. "Melalui Bajet 2013, Kerajaan telah menyediakan RM1.9 bilion untuk membina 123,300 mampu milik di lokasi strategik. Di bawah PR1MA sebanyak RM1bilion diperuntukkan untuk membina 80,000 mampu milik di seluruh negara dengan nilai pasaran RM100,000 hingga RM400,000," jelas beliau.

Tambah Dato' Seri Chor, oleh kerana Akta Pembangunan Perumahan 1966 atau Akta 118 serta Akta Pengurusan Strata telah mendapat kelulusan, kementerian akan cuba menguatkuasakan kedua-dua akta tersebut demi kebaikan pembeli selain memberi perlindungan kepada pemilik. "Saya yakin dan percaya, kedua-dua akta ini dalam memberi jaminan tiada lagi isu penipuan, terbelengalai dan lain-lain lagi seperti yang sering dialami oleh pembeli rumah dan pemilik rumah di negara ini," ujar beliau.

Dalam pada itu, YB Menteri juga mengumumkan bagi menaiktaraf pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kementerian akan melaksanakan fasa kedua pemasangan sebanyak 496 rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di 25 kawasan PBT. Beliau berkata, bagi fasa pertama, KPKT telah berjaya memasang sebanyak 469 CCTV di seluruh negara. "Bagi fasa kedua ini, kita akan membuka melalui proses tender sahaja dan pemasangan CCTV itu paling cepat akan dilaksanakan bulan Mac tahun hadapan," katanya.

Selain itu, YB Menteri memberitahu, bagi tahun hadapan, KPKT akan memberi fokus kepada pengurusan sisa pepejal yang merupakan masalah penting dan harus diuruskan dengan baik. Sehubungan itu, jelasnya, pengurusan sampah sarap akan diberi keutamaan dan Malaysia tidak boleh lagi bergantung kepada pembuangan sampah di tapak-tapak pelupusan sampah sedia ada. "Kerajaan melalui KPKT telah mengkaji mengenai pengurusan sisa pepejal yang lebih canggih dan mesra alam. "Kita mempunyai satu pilihan iaitu menggunakan teknologi moden dari segi pengurusan sampah melalui pembinaan loji pembakaran sampah (incineration) yang serba canggih seperti yang telah digunakan oleh negara-negara maju. "Kerajaan akan membuka satu tender antarabangsa dan semua penjual teknologi ini boleh memasuki tender tersebut bagi membina satu keputusan teknologi yang paling berkesan dan mesra alam untuk digunakan," katanya. Tegas beliau lagi, KPKT akan meneliti jaminan keselamatan penggunaan loji pembakaran itu dan ia tidak bersangkut paut dengan loji nuklear. Beliau berkata, kementerian bercadang membina dua (2) loji pembakaran itu di Taman Beringin, Kuala Lumpur dan di Johor Bahru.

Di samping itu, bagi menjamin persekitaran yang hijau dan mesra alam, mulai tahun hadapan, KPKT akan memastikan semua tandas awam mempunyai satu perubahan yang ketara di bawah satu pelan tindakan. Menurut YB Menteri, di bawah pelan tindakan itu, KPKT memfokuskan tiga (3) aspek iaitu pengurusan dan penyelenggaraan tandas awam, penggunaan tandas awam dan reka bentuk tandas awam tersebut. "Kempen-kempen kesedaran akan diwujudkan melalui iklan-iklan di radio, televisyen, papan tanda, poster dan beberapa aktiviti kesedaran di sekolah-sekolah," ujarnya.

Selain itu, katanya, kementerian melalui Jabatan Landskap Negara bercadang untuk memperkenalkan satu Rang Undang Undang (RUU) Landskap Arkitek dan RUU Landskap. Katanya, RUU itu adalah bagi pelaksanaan projek pembangunan landskap yang menguntungkan masyarakat masakini dan akan datang. "Melalui Jabatan Landskap Negara, kita akan menambah empat (4) lagi taman awam di Kangar, Perlis, Alor Star, Kedah, Sandakan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula tahun hadapan. "Semua pembinaan ini akan menelan belanja RM5 juta setiap satu taman awam dan peruntukkan RM500,000 akan diberi sebagai pendahuluan," katanya. Sementara itu, kerajaan juga menitik beratkan nilai-nilai keharmonian dalam institusi kekeluargaan di negara ini. Justeru, jelas Dato' Seri Chor, KPKT akan melakukan kerja-kerja menaik taraf beberapa fasiliti-fasiliti zon rekreasi keluarga di Bukit Kiara yang bakal menelan belanja RM10 juta. Walau bagaimanapun, beliau berkata, interaksi dengan masyarakat dan pihak berkepentingan perlu dibuat sebelum pelaksanaan pembinaan naik taraf kawasan tersebut.



- Membina lebih banyak projek perumahan rakyat
- menguatkuasakan Akta Pembangunan Perumahan dan Akta Pengurusan Strata
- Melaksanakan fasa kedua pemasangan kamera litar tertutup
- Memperkenalkan teknologi moden dalam pengurusan sisa pepejal

- Mengadakan pelan tindakan perubahan tandas awam
- Memperkenalkan Rang Undang Undang (RUU) Landskap Arkitek dan RUU Landskap
- Menambah empat (4) lagi taman awam
- Menaik taraf fasiliti-fasiliti zon rekreasi keluarga



KERAJAAN SELESAI 118 KES RUMAH TERBENGKALAI

Komitmen Kerajaan Pusat membantu rakyat terutamanya golongan yang terlibat dalam masalah projek perumahan swasta terbengkalai harus diakui berjaya diselesaikan. Sejak tahun 2010 hingga bulan Disember 2012, sebanyak 118 projek-projek perumahan terbengkalai swasta berjaya diselesaikan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kejayaan itu adalah hasil kerja keras serta kesungguhan kepimpinan yang tidak putus-putus merangka strategi bagi mencapai visi 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'. Jelas YB Dato' Seri Chor Chee Heung, KPKT optimis dengan sebarang bentuk projek perumahan swasta terbengkalai di negara ini. "Oleh yang demikian kita sejak tahun 2010 hingga kini, sebanyak 178 skim projek perumahan terbengkalai swasta di seluruh negara. Dapada jumlah itu, kita berjaya menyelesaikan 118 projek sehingga Disember 2012," katanya. Jelas beliau, bagi KPKT, KPI sebanyak 35 projek yang diamanahkan kerajaan untuk dilaksanakan telah berjaya disiapkan. Bagaimanapun jelas beliau, beberapa projek lagi masih dalam proses pelbagai peringkat untuk disiapkan.

Rentetan dari masalah 'ceti haram' atau ah long, YB Menteri menjelaskan, KPKT telah mengambil inisiatif berkesan bagi menyekat gejala tersebut dari terus berleluasa. Beliau menambah, beberapa pindaan telah dibuat kepada Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 bagi tujuan mencegah aktiviti ah long. "Kita sangat peka dengan sebarang isu semasa seperti ah long yang dilihat menggunakan kekerasan kepada peminjam untuk membayar balik. "Justeru, melalui pindaan pada akta tersebut, kita berharap aktiviti ah long dapat dibanteras sekaligus masyarakat sedar mengenai kesan aktiviti itu," ujarnya.

Selain itu, YB Dato Seri Chee Heung menjelaskan bahawa KPKT telah mendapat persetujuan daripada Kerajaan Pusat bagi memberi perlindungan insurans berkelompok kepada anggota-anggota bomba dan penyelamat Malaysia. Katanya, hal ini demikian kerana kementerian merasakan sudah sampai masanya anggota bomba dan penyelamat diberikan insurans itu kerana mereka sering berdepan dengan kerja yang mencabar. "Dulu mereka tiada insurans. Jika terjadi apa-apa ahli keluarga mereka tidak menerima apa-apa pampasan. Selain anggota bomba, kementerian juga akan memberi insurans yang sama atau lebih kurang sama kepada anggota-anggota bomba sukarela," katanya.

Sementara itu, beliau juga turut memaklumkan bahawa mulai bulan Julai tahun lalu, KPKT berjaya meminta satu dana sebanyak RM100 juta bagi membantu penduduk-penduduk di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Katanya, dana itu adalah dalam cara pinjaman kepada sesiapa yang ingin membuat perniagaan kecil di sekitar Kampung Baru. "Tidak tertakluk hanya kepada membuat perniagaan kecil, penduduk Kampung Baru boleh memohon dana tersebut untuk membaiki rumah mereka yang usang," tambahnya. Jelas beliau lagi, kerja keras itu tidak hanya terhenti sehingga tahun 2012 sebaliknya pelbagai lagi inisiatif dan program kementerian yang telah dirancang bagi memudahkan rakyat di negara ini.



Y.A.BHG. TUN DR. MAHATHIR DIIKTIRAF SEBAGAI PATRON PERTUBUHAN PERANCANG MALAYSIA

Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dinobatkan sebagai Penaung ('Patron') Pertubuhan Perancang Malaysia sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2012 pada 7 November 2012. Penganugerahan ini diberikan kepada Y.A.Bhg. Tun atas sumbangan beliau dalam perancangan dan pembangunan negara dan di peringkat antarabangsa. Beliau telah banyak menyumbang pemikiran dan kredibiliti dalam memacu Malaysia ke arah negara maju menjelang 2020, menjadikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan yang baru dan pembangunan Cyberjaya sebagai Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.



HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2012: BANDAR HIJAU, KOMUNITI BAHAGIA

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2012 pada 7 November 2012. Dalam majlis yang sama turut dilancarkan 'Framework Malaysian Urban Rural National Indicators Network' Versi 2 (MURNInets Versi 2) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), memberi penghargaan kepada Pelaksana Ujilari MURNInets Versi 2 dan penghargaan kepada Pelaksana Inisiatif Kejiranan Hijau.

HPBS tahun ini bertemakan 'Bandar Hijau, Komuniti Bahagia (Green Cities, Happy Communities)' adalah selaras dengan usaha Kerajaan yang sentiasa:

- menerajui usaha melaksanakan pembangunan bandar hijau dan serta teknologi hijau dalam memastikan pembangunan yang dijalankan mengambil kira aspek kesejahteraan, kemampanan, keamanan di samping meletakkan Malaysia di kalangan negara-negara yang selamat didiami.
- mencapai matlamat negara maju menjelang 2020 dengan menekankan 'green consciousness'
- menyokong inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan oleh kerajaan ke arah mewujudkan persekitaran kualiti kehidupan yang mampan.

Malaysia kini komited untuk mempraktikkan amalan dan teknologi hijau. Gaya Hidup Rendah Karbon atau 'low carbon lifestyle' terutama dalam aspek kecekapan dan penjimatan elektrik serta penggunaan tenaga secara efisien adalah digalakkan termasuklah aspek pembangunan hijau. KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) melaksanakan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau yang mampu memandu dan membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), pemaju, perancang bandar, arkitek, jurutera, orang awam dan pihak-pihak berkepentingan lain dalam merancang, mengawal dan mereka bentuk sesuatu kawasan kejiranan hijau yang selari dengan ciri-ciri pembangunan hijau. KPKT juga adalah peneraju Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kejiranan Hijau di bawah Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim turut merangka Pelan Tindakan Pembangunan Kejiranan Hijau. Pelan Tindakan tersebut menggariskan lima (5) Teras Strategi, 28 Strategi dan menyenaraikan 50 Tindakan yang perlu diambil oleh pelbagai agensi ke arah membentuk perbandaran dan kejiranan hijau.

Bandar Berdaya Huni atau *Liveable Cities*

Dasar Teknologi Hijau Negara serta Dasar Perubahan Iklim Negara menekankan pewujudan Bandar Berdaya Huni atau *Liveable Cities* seperti dalam Rancangan Malaysia ke-10 menekankan aspek pemeliharaan alam sekitar melalui kemampanan pengurusan sumber. Bandar Berdaya Huni (*Liveable Cities*) diukur berdasarkan 'Liveable Cities Index' yang merangkumi aspek ekonomi, keselamatan, iklim, alam sekitar, pengangkutan awam, rekabentuk bandar, keadaan politik, perhubungan peringkat antarabangsa dan sebagainya. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memperkenalkan Laporan Kebahagiaan Sedunia ('World Happiness Report') yang merangkumi Indeks kebahagiaan ('Happiness Index of The People') sebagai pengukuran umum tahap kesejahteraan penduduk yang lebih menyeluruh dengan mengambil kira tahap kebahagiaan individu, kejiranan dan persekitaran. Komponen indeks kebahagiaan meliputi kesejahteraan psikologi, komuniti yang berdaya huni, kepelbagaian budaya dan ketahanan, kesihatan, pendidikan, kepelbagaian ekologi, kualiti kehidupan dan kecekapan urus tadbir. Ini adalah faktor yang lebih penting dalam mengukur kesejahteraan penduduk berbanding unsur-unsur material. Hasil Laporan Kebahagiaan Sedunia ini adalah berdasarkan maklum balas kaji selidik dari tahun 2005 hingga pertengahan 2011 bagi mengukur tahap kebahagiaan 156 buah negara. Hasil kajian mengiktirafkan Malaysia sebagai negara ke-51 paling bahagia di dunia dan berada di kedudukan ke-2 di Asia Tenggara.

Penghargaan kepada Pelaksana Ujilari MURNInets Versi 2

MURNInets Versi 2 yang dilancarkan adalah bagi mengiktiraf usaha PBT dalam mewujudkan perbandaran yang bersifat mampan, meningkatkan tahap kesejahteraan penduduk serta kesedaran awam dalam memupuk semangat cintakan keindahan dan kebersihan telah dikaji semula dan ditambah baik dengan penunjuk-penunjuk bandar yang baru serta dijenama semula. Versi 2 ini adalah penambahbaikan dari MURNInets JPBD sebagai hala tuju pembangunan mampan bandar-bandar di Malaysia melalui satu platform yang telah diperkenalkan pada tahun 2001. MURNInets ini mengukur dan menilai kemampuan sesebuah bandar serta kawasan sekitarnya melalui penggunaan penunjuk-penunjuk bandar. Penunjuk-penunjuk MURNInets ini dijalankan bersama Pasukan Inspektorat MURNInets, penduduk dan juga PBT, dengan melibatkan dua peringkat kaji selidik, iaitu Kajian Indeks Kebahagiaan dan Kajian Peratusan Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam majlis ini turut disampaikan penghargaan kepada lapan (8) PBT yang terlibat dalam uji lari ini iaitu :

- i. Dewan Bandaraya Kuching Utara
- ii. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
- iii. Majlis Bandaraya Shah Alam
- iv. Majlis Bandaraya Miri
- v. Perbadanan Putrajaya
- vi. Majlis Perbandaran Alor Gajah
- vii. Majlis Perbandaran Sandakan, dan
- viii. Majlis Daerah Kuala Pilah

Penyampaian penghargaan kepada Pelaksana Inisiatif Kejiranan Hijau

KPKT juga memberi penghargaan kepada PBT dan kumpulan komuniti di atas usaha dan inisiatif mereka menyumbang kepada kemampuan bandar di Malaysia dan Pelaksana Inisiatif Kejiranan Hijau. Bagi tahun 2012 ini penghargaan diberikan kepada PBT berdasarkan kepada lima (5) kategori iaitu:

Kategori 1 : Laluan Pejalan Kaki

Kemudahan ini disediakan untuk menggalakkan orang ramai berjalan kaki dalam jarak yang sesuai. Berjalan kaki akan mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor dan secara langsung mengurangkan pengeluaran karbon.

Kategori 2 : Laluan Basikal

Kemudahan laluan basikal untuk menggalakkan penduduk menggunakan basikal bagi jarak yang selesa berbasikal. Tujuan utamanya ialah seperti juga laluan pejalan kaki iaitu mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor dan secara langsung mengurangkan pengeluaran karbon.

Kategori 3 : Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHH)

Sistem ini bertujuan untuk mengguna semula air hujan yang dikumpul supaya dapat mengurangkan penggunaan air terawat. Disamping itu, sistem ini juga boleh melambatkan aliran air larian permukaan yang secara langsung dapat mencegah kejadian banjir.

Kategori 4 : Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos (Waste Composting)

Kaedah ini bagi mengurangkan penjejakan sisa apabila bahan-bahan buangan organik dikitar semula melalui kaedah kompos untuk menghasilkan baja kompos. Penggunaan baja kompos adalah mesra alam kerana tidak mengandungi bahan kimia.

Kategori 5 : Kebun Kejiranan

Perkebunan kejiranan merupakan aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan kejiranan sama ada diusahakan secara individu atau komuniti. Penduduk boleh mendapatkan bekalan sayur dari hasil tanaman kebun tanpa perlu pergi membeli di kedai menggunakan kenderaan bermotor. Kebun Kejiranan juga boleh berfungsi sebagai elemen mengeratkan hubungan sosial antara penduduk melalui aktiviti bersama.

HPBS yang disambut pada tahun ini telah disambut semenjak tahun 1988 lagi oleh JPBD Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, HPBS di peringkat global disambut pada 8 November setiap tahun oleh hampir 30 negara di seluruh dunia. Majlis pada malam ini turut dihadiri oleh pegawai kanan KPKT, JPBD, Yang Dipertua PBT, profesional bidang perancangan Bandar dan ahli akademik.



PERTANDINGAN ANUGERAH TANDAS BERSIH PERINGKAT KEBANGSAAN 2012



KPKT telah menganjurkan pertandingan "Anugerah Tandas Bersih- 1Malaysia" bersempena Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2012 ini. Kategori pertandingan adalah terbahagi 10 kategori iaitu:

1. Tandas awam PBT (Bandaraya/Perbandaran)
2. Tandas PBT (Daerah)
3. Tandas Pusat Beli Belah
4. Tandas Hentian Awam
5. Tandas Kawasan Pelancongan
6. Tandas Kedai Makanan/Restoran
7. Tandas Sekolah Menengah
8. Tandas Sekolah Rendah
9. Tandas IPTA/IPTS
10. Tandas Pejabat Kerajaan

Tujuan pertandingan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan pemilik-pemilik tandas awam di atas usaha dan inisiatif mereka mengwujudkan model tandas bersih sebagai contoh kepada tandas-tandas yang lain. Pemenang-pemenang Anugerah Tandas Bersih- 1Malaysia 2012' ini akan dijadikan contoh oleh PBT dan juga operator-operator tandas awam di seluruh Malaysia semoga di masa akan datang lebih banyak tandas-tandas yang bertaraf 5 Bintang diwujudkan. Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung.



Hari Tandas Sedunia disambut pada 19 November setiap tahun di seluruh dunia untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang budaya tandas bersih. Ia merupakan satu hari khas memperingati semua penduduk tentang betapa pentingnya tandas dalam kehidupan harian manusia, walaupun ia kelihatan sebagai perkara biasa tetapi amat perlu diberi perhatian kerana ia mempunyai implikasi yang besar ke atas kesihatan, kebersihan serta ekonomi negara.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2012 telah berlangsung pada 22 November 2012 (Khamis) di Hotel Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jemputan untuk majlis pelancaran ini adalah seramai 500 orang dan terdiri daripada Datuk-Datuk Bandar, Yang Dipertua, wakil-wakil Pihak Berkuasa Tempatan, wakil agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), wakil swasta dan wakil syarikat kontraktor pembersihan awam.

Tema Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2012 pada tahun ini ialah 'Tandas Bersih

- Kebahagiaan 1Malaysia'. Turut diadakan Seminar Tandas Bersih 1Malaysia yang telah dihadiri oleh seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai PBT yang membincangkan 5 kertas kerja berkaitan isu-isu berkaitan tandas awam.

Bersempena dengan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2012 ini, diadakan juga pameran barangan pengeluaran tandas dan produk-produk kesihatan persekitaran. Ia bertujuan untuk memberikan informasi pendidikan kepada yang hadir dan peserta seminar mengenai kepentingan persekitaran tandas yang bersih dan berkualiti terhadap kehidupan manusia. Sebanyak 11 agensi Kerajaan, swasta dan NGO telah mengambil bahagian di dalam pameran ini. Disediakan juga booth bagi pemeriksaan kesihatan.



LEMBARAN FAKTA

- WTO mengisytiharkan 19 November setiap tahun sebagai Hari Tandas Sedunia.
- Sebanyak RM9.5 juta diperuntukkan untuk pembangunan dan penjagaan tandas.
- PBT menjalankan audit tahap kebersihan tandas awam dengan siri pertama dijalankan pada 29 Februari 2012 hingga 30 April 2012.
- Dari 149 PBT di seluruh negara, 107 (71.8%) telah melaksanakan audit. Terdapat 10 kategori tandas untuk pengauditan iaitu tandas awam milik PBT, premis makan, pusat beli belah, stesen minyak, rumah ibadat, lapangan terbang, stesen keretapi/LRT/ERL, stesen bas, taman rekreasi, hotel dan jeti/pintu masuk. Melalui audit yang telah diaudit, sejumlah 13,215 (68.4%) telah mendapat penarafan 3, 4 dan 5 bintang.
- Sejumlah 6,123 (31.6%) berada pada tahap 2 bintang dan ke bawah termasuk 468 (2.4%) yang langsung tidak mendapat penarafan bintang.
- Pada 30 Mac hingga 10 April 2012, Jabatan Kerajaan Tempatan juga telah menjalankan audit terhadap 1,810 buah tandas di 41 Bahagian/Jabatan/Kementerian pejabat Kerajaan di Putrajaya dan hasilnya menunjukkan 5% tandas mendapat penarafan 5 bintang, 22.5% berada di penarafan 4 bintang, 52% mendapat 3 bintang, 17.8% pula berada di tahap 2 bintang dan 2.7% dikategorikan sebagai 1 bintang.

Salah satu Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Programme - GTP*) dalam sektor hartanah yang dilancarkan pada 13 April 2007 ialah pelaksanaan sistem Pusat Setempat (*One Stop Centre – OSC*).

Kini, OSC telah ditubuhkan di 104 buah PBT di Semenanjung Malaysia dengan tujuan menyelaraskan dan mempermudah *approval process* iaitu urusan pertimbangan terhadap permohonan cadangan pemajuan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). Dari peringkat awal kewujudan OSC, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan pelbagai program dan aktiviti serta beberapa penambahbaikan bagi

memastikan kefahaman yang meluas di kalangan penggiat industri binaan dan melancarkan pelaksanaan OSC.

Bagi memenuhi aspirasi Kerajaan untuk mempertingkatkan kecemerlangan perkhidmatan awam, khususnya dalam aspek *approval process*, pada 18 September 2012 Kementerian ini telah melancarkan sistem OSC Online secara serentak bagi 14 PBT di negeri Kelantan dan Selangor secara maya. OSC Online menyediakan platform pengemukaan dan pemprosesan permohonan 24 jam 7 hari seminggu dari mana-mana tempat. OSC Online yang diperkenalkan ini adalah merupakan agenda penting kerajaan bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan terutamanya di pihak PBT.

Sebanyak 14 PBT, iaitu kumpulan terakhir yang telah melancarkan OSC Online ialah:

1. Majlis Perbandaran Kota Bharu
2. Majlis Daerah Ketereh
3. Majlis Daerah Tanah Merah
4. Majlis Daerah Bachok
5. Majlis Daerah Gua Musang
6. Majlis Daerah Jeli
7. Majlis Daerah Dabong
8. Majlis Daerah Kuala Krai
9. Majlis Daerah Machang
10. Majlis Daerah Pasir Mas
11. Majlis Daerah Pasir Puteh
12. Majlis Daerah Tumpat
13. Majlis Daerah Kuala Langat
14. Majlis Daerah Sabak Bernam



SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN

Sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK), KPKT selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di Tempat Awam (JKPBKTA) telah menjalankan program-program untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menganjurkan pertandingan Papan Iklan Luar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pertandingan Ceria Bahasa PBT. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang tepat dan betul di PBT dan juga untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada PBT yang memartabatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan di kawasan masing-masing.

Selain daripada itu, Program Penggalakkan Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Kampung Baru juga telah diadakan pada tahun 2012. Sebanyak enam program telah diadakan sepanjang tahun 2012 iaitu tiga program di separuh tahun pertama dan tiga program di separuh tahun kedua. Program pada separuh tahun kedua adalah seperti berikut:

- **Kampung Baru Tampin, Tampin, Negeri Sembilan (9 September 2012)**
- **Kampung Baru Pokok Assam, Larut Matang, Perak (19 Oktober 2012)**
- **Kampung Baru Sri Lalang, Kluang, Johor (20 Oktober 2012)**

Tujuan program ini adalah untuk mendorong masyarakat kampung baru untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa kebangsaan dan meningkatkan kemahiran bahasa. Antara aktiviti yang diadakan termasuk deklamasi sajak, bercerita, syarahan serta aktiviti melibatkan warga emas seperti pertandingan perbendaharaan kata dan temu bual menggunakan bahasa kebangsaan.

Di peringkat Kementerian pula, JKT dan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) KPKT telah menganjurkan program-program untuk warga KPKT sempena BBK 2012. Program-program BBK 2012 peringkat KPKT diadakan



bertujuan untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang tepat dan betul serta meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan warga KPKT. Program yang dianjurkan adalah seperti berikut:

- Pertandingan Ceria Bahasa KPKT
- Pertandingan Sahibba (18 Oktober 2012)
- Pertandingan Pantas Jawi (18 Oktober 2012)
- Majlis Syarahan oleh Tokoh Bahasa (5 November 2012)
- Pameran dan Jualan Buku (21-22 November 2012)

Syabas diucapkan kepada semua warga KPKT yang telah mengambil bahagian dalam aktiviti BBK 2012. Pemenang pertandingan Sahibba dan Pantas Jawi akan mewakili KPKT dalam Pertandingan Sahibba dan Pantas Jawi Peringkat Kebangsaan (6 Sektor Tumpuan Utama) anjuran DBP pada 11 Disember 2012.

PERUMAHAN

YB MENTERI RASMI SEMINAR KEBANGSAAN PERUMAHAN UNTUK RAKYAT 2012

Pada 28 November 2012, bertempat di Hotel Pan Pacific, KLIA, Sepang, YB Dato' Seri Chor Chee Heung telah merasmikan Seminar Kebangsaan Perumahan Untuk Rakyat 2012. Seminar ini dianjurkan oleh Majlis Professor Negara menjurus kepada tema alam bina iaitu 'Isu-isu Perumahan: Cabaran-cabaran Untuk Abad Akan Datang'. Seminar telah disertai oleh para profesional yang berkecimpung dalam sektor perumahan dan pembinaan yang terdiri daripada jurutera, arkitek, juruukur bahan, pengurus projek, perancang bandar serta lain-lain pakar teknikal dalam bidang pengkhususan masing-masing. Tidak terkecuali, para pentadbir daripada agensi kerajaan, ahli-ahli akademik daripada universiti awam dan swasta serta para penggiat sektor pembinaan di negara ini.

Seminar sehari ini telah mengetengahkan isu terkini dalam industri perumahan di Malaysia dan cabarannya yang relevan dengan senario perumahan global. Ianya juga menjadi platform untuk para peserta bertukar pendapat dan mendapat maklumat terkini industry perumahan terutama langkah-langkah Kerajaan dalam merealisasikan Dasar Perumahan Negara yang telah dilancarkan pada 10 Februari 2011.

Isu harga rumah merupakan salah satu agenda yang dibincangkan dalam seminar ini yang bertujuan memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah sendiri. Hasil perbincangan dan pendapat dalam seminar ini akan diteliti oleh Kementerian dan jika bersesuaian dan patut dilaksanakan, ia akan digunakan dalam membantu KPKT untuk merangka strategi yang sesuai berhubung isu perumahan.

ROADSHOW TAKLIMAT KEWAJIPAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMAJU PERUMAHAN BERLESEN

Roadshow Taklimat Kewajipan dan Tanggungjawab Pemaju Perumahan Berlesen di bawah Akta 118 telah mula diadakan pada tahun 2011. Pelaksanaan *roadshow* tersebut telah dipersetujui oleh Mesyuarat Kumpulan Kerja Pemantapan, Pemulihan dan Pemantauan Projek Perumahan Terbengkalai bil. 1/2011. *Roadshow* tersebut merupakan program bersama diantara Bahagian Perlesenan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta dan REHDA. Objektif *roadshow* ini adalah untuk mendidik serta meningkatkan lagi kesedaran pemaju mengenai Akta 118 terutamanya dari aspek kewajipan dan tanggungjawab pemaju.

Pada 18 November 2012, *roadshow* tersebut telah diadakan di Hotel Holiday Villa, Alor Setar Kedah dengan kerjasama pihak REHDA Malaysia. *Roadshow* kali ini telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Seri Chor Chee Heung. Kehadiran peserta adalah amat menggalakkan. Seramai hampir 400 orang wakil daripada pemaju perumahan berlesen di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak telah menghadiri *roadshow* tersebut. YB Menteri juga telah menyampaikan amanat beliau supaya semua pemaju perumahan memainkan peranan dengan lebih berkesan dan menjalankan pemajuan perumahan dengan lebih bertanggungjawab agar tidak memudaratkan kepentingan pembeli.

Pelaksanaan *roadshow* di Kedah telah menutup tirai siri *roadshow* ini bagi tahun 2012. Pelaksanaan *roadshow* ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan empat (4) siri *roadshow* yang akan diadakan di zon tengah, selatan, timur dan utara Semenanjung Malaysia.

TAMAN SERI DERGA FASA III BERJAYA DIPULIHKAN DALAM MASA 5 BULAN



Projek Taman Sri Derga Fasa III adalah projek perumahan yang asalnya dimajukan oleh syarikat Everise Acres Holdings Sdn. Bhd. di atas tanah lot 463 (P.T. 4969 – P.T. 5012) HSM11422-HSM 11465 seluas 2.14 ekar di Alor Setar, Kedah milik tiga (3) tuan tanah iaitu Puan Ishah binti Hj. Wahab, Encik Abdul Halim bin Wahab dan Encik Abdul Aziz bin Wahab. Butiran lanjut projek ini adalah seperti berikut :

Jenis Rumah	Tarikh Perjanjian Jual & Beli	Tarikh Sepatut Siap	Tarikh Terbengkalai	Bil. Unit Bina	Bil. Unit Jual	Baki Unit Belum Jual	Peratusan Pembinaan
Rumah Berkembar Satu Tingkat	14/11/2007	14/11/2009	16/03/2012	28	21	7	60%

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada tahun 2007 dan sepatutnya siap pada tahun 2009. Tahap perkembangan dan kemajuan projek adalah lembab akibat masalah aliran tunai pemaju. Akhirnya, kerja-kerja pembinaan telah terhenti sepenuhnya pada tahun 2009. Projek ini telah diisytiharkan sebagai projek terbengkalai oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 16 Mac 2012.

Pada 18 Jun 2012, syarikat pemaju asal iaitu syarikat Everise Acres Holdings Sdn. Bhd. telah digulung oleh Mahkamah dan Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi bagi projek ini. Pihak pelikuidasi seterusnya telah melantik syarikat Unijaya Holding Sdn. Bhd. sebagai kontraktor penyelamat untuk memulihkan projek. Tempoh kontrak penyiapan adalah selama enam (6) bulan bermula pada 25 Jun 2012 sehingga 24 Disember 2012. Namun begitu, dengan komitmen yang tinggi dari pelikuidasi dan kontraktor penyelamat yang dilantik, serta dengan kerjasama oleh semua pihak termasuk Jabatan Perumahan Negara, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi teknikal berkaitan, projek ini telah disiapkan sebulan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan. Projek ini telah berjaya memperoleh Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 14 November 2012.

Majlis Penyerahan Kunci dan sijil CFO telah diadakan pada 18 November 2012 di lokasi projek yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



DIARI PARLIMEN

DIARI PARLIMEN

YB Dato' Seri Chor Chee Heung dalam menjawab soalan Dato' Dr. Mohd Hayati bin Othman memaklumkan bahawa terdapat 350 pasukan bomba sukarela yang telah ditubuhkan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 47 pasukan bomba sukarela dengan jumlah keahlian 2,030 anggota bergerak aktif di seluruh negeri Kedah.

Menurut Dato' Seri Chor, bagi meningkatkan lagi keupayaan dan kemampuan pasukan bomba sukarela dalam melaksanakan kerja-kerja mencegah dan menyelamatkan kebakaran, pelbagai jenis bantuan termasuklah kenderaan bomba dan latihan serta peralatan kebombaan seperti pam, jaket api, kasut api dan helmet telah pun dibekalkan bagi setiap pasukan bomba sukarela. Selain itu, pelbagai program dan latihan turut dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan juga kecekapan kebombaan pasukan bomba sukarela baik di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan. Antara program-program yang diadakan termasuk konvensyen, seminar, pertandingan kawat kecekapan, lawatan sambil belajar dan sebagainya.

Menurutnya beliau lagi, mulai 1 Januari 2013, kerajaan pusat telah pun bersetuju untuk memberi perlindungan insurans secara berkelompok kepada anggota-anggota bomba sukarela sebagai insentif kepada 13,800 anggota pasukan bomba sukarela di seluruh negara. Langkah ini merupakan inisiatif awal kerajaan ke arah mewujudkan pasukan bomba bantuan yang mana pembayaran elaun tetap sebagaimana yang diberikan kepada anggota RELA akan dipertimbangkan. Namun, dengan mengambil kira bahawa cadangan ini akan turut melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan, maka perkara ini masih sedang diperhalusi.

“ Perlindungan Insurans Secara Berkelompok Kepada Anggota-anggota Bomba Sukarela ”

- YB Dato' Seri
Chor Chee Heung

“ Di bawah PPR, sebanyak 1% daripada unit rumah yang dibina adalah disediakan khas untuk golongan OKU ”

- YB Datuk Seri
Lajim Haji Ukin

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Kota Raja berkaitan kuota dan kemudahan-kemudahan untuk golongan Orang Kelainan Upaya atau pun OKU di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), YB Dato' Seri Chor Chee Heung menjelaskan bahawa buat masa ini di bawah PPR, sebanyak 1% daripada unit rumah yang dibina adalah disediakan khas untuk golongan OKU.

Tambah beliau lagi, keistimewaan unit PPR untuk OKU ini adalah antara saiz bilik air yang dibesarkan dan dilengkapi dengan kemudahan untuk golongan berkenaan. Selain itu, semua PPR turut dilengkapi dengan kemudahan untuk OKU seperti *railing*, lif OKU dan sebagainya.

“ Tapak pelupusan Bukit Bakri hanya akan ditutup selamat sepenuhnya pada 2014 apabila tapak baru di Pagoh siap sepenuhnya untuk beroperasi ”

- YB Dato' Seri
Chor Chee Heung

YB Dato' Seri Chor Chee Heung menjelaskan bahawa KPKT telah sedia maklum mengenai tapak pelupusan Bukit Bakri yang telah penuh. Sehubungan itu, KPKT telah pun mengambil langkah sewajarnya untuk menutup selamat tapak berkenaan. Memandangkan tapak pelupusan sanitari yang baru di Pagoh masih dalam peringkat untuk ditender, maka Kementerian perlu menaikkan taraf pelupusan Bukit Bakri bagi membolehkan sisa pepejal lupus sehingga tapak pelupusan sanitari Pagoh siap beroperasi. Oleh itu, kementerian telah melantik kontraktor untuk melaksanakan dua (2) skop kerja di tapak pelupusan Bukit Bakri iaitu kerja-kerja menutup selamat sebahagian tapak dan sebahagian lagi dinaik taraf. Pada ketika ini kemajuan kerja di tapak telah mencapai 90% dan kerja-kerja naik taraf dijangka akan siap sebelum akhir tahun ini. Tapak pelupusan Bukit Bakri hanya akan ditutup selamat sepenuhnya pada 2014 apabila tapak baru di Pagoh siap sepenuhnya untuk beroperasi. Demikian jawapan Dato' Seri Chor kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang membangkitkan isu tapak pelupusan Bukit Bakri.

“ Kementerian melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia sedang memuktamadkan draf garis panduan Perancangan Tanah Perkuburan dan Krematorium 2012 ”

- YB Datuk Seri
Lajim Haji Ukin

merancang, mengawal, memantau pembangunan tapak perkuburan dan juga krematorium. Digunakan oleh agensi pelaksana, pemaju dan pihak awam sebagai panduan dalam memilih, merancang dan juga membangunkan tapak perkuburan.

Berpanduan draf garis panduan tersebut, pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan hendaklah memastikan tanah perkuburan diperuntukkan iaitu seluas satu hektar tanah kubur bagi setiap 8,000 penduduk dengan andaian purata kadar kematian adalah 5/1,000 orang setahun di Malaysia.

“ Empat GLC telah pun memberi jaminan bahawa projek yang dibina pada tahun depan akan menggunakan kaedah BKJ ”

- YB Datuk Seri
Lajim Haji Ukin

Dalam isu kekurangan tanah dan tempat perkuburan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor. Kementerian melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia sedang memuktamadkan draf garis panduan Perancangan Tanah Perkuburan dan Krematorium 2012 untuk digunakan oleh pihak berkuasa secara seragam di dalam

SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT 2012 : 'KREATIVITI DAN INOVASI MEMPERKASA TRANSFORMASI'



Sambutan Hari Inovasi diadakan bagi menandakan kepentingan budaya inovasi dalam mendokong agenda transformasi sektor awam. Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2012 telah diadakan pada 31 Oktober 2012 bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012 telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tema Hari Inovasi tahun ini adalah 'Kreativiti dan Inovasi Memperkasa Transformasi' yang bermaksud kreativiti dan inovasi membawa kepada keberkesanan program transformasi selaras dengan hasrat merakyatkan perkhidmatan awam. Ini memberi isyarat jelas bahawa "KPKT sanggup bersama rakyat, memahami cita rasa rakyat dan sanggup berusaha gigih, jujur dan ikhlas, agar jangkaan rakyat dapat dipenuhi Kerajaan."

Pada hari tersebut juga, telah diadakan Pameran Hari inovasi di lobi KPKT bagi mempamerkan inovasi-inovasi yang memenangi Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha dan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di 8 (lapan) buah booth. Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KPKT, Ketua-Ketua Pengarah, Setiausaha/Pengarah Bahagian di bawah Kementerian, pemenang-pemenang anugerah dan warga KPKT.

Pelbagai aktiviti diadakan bagi meneruskan tradisi untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada inisiatif inovasi warga KPKT yang telah berjaya menunjukkan kreativiti dan inovasi melalui pertandingan yang telah diadakan setiap tahun. Antara pertandingan-pertandingan tersebut adalah:

Anugerah Khas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Anugerah ini diberikan kepada individu atau organisasi/kumpulan yang telah memberikan sumbangan dalam menambahbaik atau meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada pelanggan KPKT. Pencalonan adalah daripada inovasi yang telah diperakui keberkesanan atau faedahnya oleh pihak luar atau organisasi di peringkat kebangsaan atau luar negara sepanjang tahun 2011 dan 2012. Satu (1) pencalonan telah diterima untuk kategori kumpulan iaitu Kumpulan Progresif Dedikasi dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan. Sesi penilaian yang diadakan pada 11 Oktober 2012 memutuskan tiada pemenang Anugerah Khas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (AKM). Pencalonan ini dihidiahkan sebagai pemenang Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha (AIKSU) Kategori Teknikal seperti berikut:

Kategori Teknikal

Kedudukan	Organisasi/Individu	Inovasi	Hadiah
Tempat Pertama (Kategori Organisasi)	Progresif Dedikasi Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM Negeri Sembilan)	Papan Maklumat Tempat Kejadian	Wang tunai : RM3,500.00, plak dan sijil

Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha (AIKSU)

Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh Jabatan dan Bahagian di KPKT. Pertandingan AIKSU meliputi dua (2) kategori iaitu Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal. Sebanyak dua pencalonan Kategori Pengurusan telah diterima iaitu satu pencalonan secara organisasi dan satu pencalonan secara individu. Sesi penilaian bagi anugerah ini telah diadakan pada 4 Oktober 2012 dan pemenang yang dipilih adalah seperti berikut:



Kategori Teknikal

Kedudukan	Organisasi/Individu	Inovasi	Hadiah
Tempat Pertama (Kategori Organisasi)	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)	Transformasi Pengurusan Tuntutan Perjalanan Yang Lebih Efektif Menerusi Sistem Tuntutan PPSPPA	Wang tunai : RM3,500.00, plak dan sijil
Saguhati (Individu)	Encik Abbas bin Abdul Wahab Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia	Perkongsian E-Kalendar Townplan	Wang tunai : RM500.00 (Saguhati) dan sijil

Pertandingan Debat KPKT

Pertandingan Debat KPKT merupakan program pertama kali diadakan sempena Sambutan Hari Inovasi KPKT 2012. Tujuan pertandingan adalah sebagai salah satu platform bagi warga KPKT memberikan pandangan, idea dan hujah-hujah dengan menggunakan saluran yang betul. Sebanyak lapan (8) kumpulan telah menyertai pertandingan ini. Pertandingan diadakan secara kalah mati semasa sesi pertandingan saringan awal dan pertandingan akhir debat. Pemenang Pertandingan Debat KPKT adalah seperti berikut:

Kedudukan Kumpulan Hadiah

Kedudukan	Kumpulan	Hadiah
Tempat Pertama	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah	Wang tunai: RM2,000.00, plak dan sijil
Tempat Kedua	Sektor Pengurusan KPKT	Wang tunai: RM1,000.00 dan sijil
Tempat Ketiga	Puan Siti Adora Binti Rahtimin	Wang tunai: RM500.00 dan sijil
Pendebat Terbaik	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)	Wang tunai : RM200.00 dan sijil

Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi KPKT 2012

Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi KPKT bertujuan untuk mendapatkan idea bagi tema Sambutan Hari Inovasi KPKT 2012. Tema hendaklah mengandungi perkataan "INOVASI" dan menekankan isu-isu inovasi serta berkonsepkan "1KPKT". Sebanyak 18 tema telah diperolehi dan sesi penilaian telah diadakan pada 15 Ogos 2012. Berikut merupakan pemenang saguhati bagi Pertandingan Tema Hari Inovasi KPKT 2012:

Penerima Saguhati	Hadiah
Encik Shariff Bin Mat Yusoff JPBD Perak	Wang tunai: RM 300.00 (Saguhati) dan sijil

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Konvensyen KIK diadakan bagi mengiktiraf kumpulan yang ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah/ isu di tempat kerja melalui penggunaan kaedah-kaedah tertentu selaras dengan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU. Pertandingan ini telah diadakan pada 20 September 2012 di Dewan Kristal, KPKT. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YBhg. To' Puan Noriah Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT. Sebanyak 11 kumpulan telah menyertai pertandingan ini iaitu lima (5) Kumpulan dari Kategori Teknikal manakala enam (6) kumpulan adalah dari Kategori Pengurusan. Berikut merupakan senarai pemenang bagi Konvensyen KIK:

Kategori Pengurusan

Kedudukan	Organisasi/Individu	Inovasi	Hadiah
Tempat Pertama	Mytownnet (JPBD SM)	Pembangunan Laman Web Sistem Repositori Penyelidikan Perancangan Bandar	Wang tunai: RM3,000.00, plak dan sijil
Tempat Kedua	P.R.O (PPSPPA Johor)	Laporan Analisa KPI Yang Tidak Sistematis dan Berkesan	Wang tunai: RM2,000.00 dan sijil
Tempat Ketiga	Enigma (JPBD Selatan)	Menyediakan Peralatan Pesembahan Bersistematik dan Efisien	Wang tunai: RM1,000.00 dan sijil

Kategori Teknikal

Kedudukan	Organisasi/Individu	Inovasi	Hadiah
Tempat Pertama	Shah (JBPM Pahang)	Kesukaran Memusnah Sarang Tebuan di Premis	Wang tunai: RM3,000.00, plak dan sijil
Tempat Kedua	Arief (JBPM Melaka)	Proses Pemasangan dan Penggunaan Hos Ram Kurang Berkesan Semasa Operasi	Wang tunai: RM2,000.00 dan sijil
Tempat Ketiga	Kumpulan Pahang Tour (PPSPPA Pahang)	Hasil Baja Organik Dari Proses Pengkomposan Takakura Tidak Dimanfaat Secara Komersial	Wang tunai: RM1,000.00 dan sijil





KSN SEMPURNAKAN MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR

Pada 17 November 2012, YBhg. Ketua Setiausaha Negara (KSN), Dato' Sri Dr. Ali Hamsa menyempurnakan majlis penyerahan kunci rumah projek pembinaan semula rumah terbakar. Ini adalah salah satu program di bawah Strategi Lautan Biru Negara Ke-7 :Kejiranan Indah (*National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS 7): My Beautiful Neighbourhood*) yang dilaksanakan oleh KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta jabatan-jabatan lain. Projek pembinaan semula rumah terbakar di Kampung Bukit Cherakah, Kuala Selangor ini telah dibina semula anggota bomba Selangor manakala bahan pembinaan adalah sumbangan daripada pihak swasta dan orang awam.

Ini adalah satu lagi inisiatif kerajaan bagi meneraju negara ini ke arah sebuah negara maju, berpendapatan tinggi dan sejahtera dalam semua aspek. Selain daripada Kuala Selangor ini, projek NBOS 7 telah dilaksanakan di rumah pangsa Simpang Kuala, Seberang Terus, Taman Setia Jaya: Alor Setar dan Rumah Pangsa Lobak, Seremban. Ianya akan diperluaskan ke Ipoh, Perak dan Larkin, Johor Bahru dan kawasan lain. Secara keseluruhannya, di bawah Program NBOS 7 ini kawasan perumahan yang terpilih akan dinaik taraf meliputi 4 aspek utama seperti berikut:

- Program menambah baik atau membaiki pulih kawasan perumahan yang dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah;
- Program pembinaan semula buah rumah terbakar;
- Program peningkatan rondaan keselamatan (*security patrolling*) di stesen LRT dan pusat membeli belah bagi menangani jenayah; dan
- Program kebersihan, pengindahan dan penyelenggaraan kemudahan awam.

Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KPKT, pegawai-pegawai kanan KPKT dan JBPM, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan penduduk kampung.



Beberapa aktiviti telah dijalankan sempena Majlis Pelancaran tersebut :-

- YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan majlis tersebut dengan membuka tirai projek papan tanda My Beautiful Neighbourhood untuk memaklumkan kepada penduduk Simpang Kuala mengenai pelaksanaan NBOS;
- Mengecat sebahagian blok sebagai tanda permulaan aktiviti membaiki pulih rumah pangsa Simpang Kuala;
- Jabatan Belia Sukan Negeri Kedah mengadakan booth pendaftaran untuk golongan belia Simpang Kuala melibatkan diri dalam program sukarelawan 1M4U;
- Hebahan Pelancaran NBO: *My Beautiful Neighbourhood* Simpang Kuala dan Seberang Terus telah disiarkan dalam berita TV1 pada 14 Oktober 2012.

National Blue Ocean Strategy (NBOS) atau Strategi Lautan Biru Negara merupakan satu tindakan kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dengan projek-projek atau idea-idea yang kreatif melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Projek-projek ini dilaksanakan dengan segera, berimpak tinggi dan faedahnya dirasakan oleh rakyat jelata, dengan menggunakan perbelanjaan yang minimum.

Projek-projek seperti *1Malaysia For Youth (1M4U)*, *Rural Transformation Centre (RTC)* seperti di Gopeng, Perak dan Kuala Linggi, Melaka adalah untuk menambah nilai pertanian di luar bandar, *Urban Transformation Centre (UTC)* seperti di Pudu Sentral adalah untuk menempatkan perkhidmatan kerajaan setempat seperti perniagaan runcit dan keselamatan (Kedai Runcit 1Malaysia (KRIM), Klinik 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)) adalah di antara program-program NBOS yang telah berjalan dengan lancarnya untuk kemudahan rakyat.

Di bawah Strategi Lautan Biru Negara : Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*), KPKT dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah bersama-sama mengatitkan empat (4) program iaitu:

- Program membaiki pulih rumah pangsa awam;
- Membina semula rumah terbakar;
- Mengindahkan tempat awam; dan
- Menyelesaikan isu-isu utama kawasan rumah kos rendah dan rumah panjang (*longhouses*) - NBOS 6

RUMAH PANGSA SIMPANG KUALA DAN SEBERANG TERUS, KEDAH BERWAJAH BARU

Pada 14 Oktober 2012, YB Dato' Seri Chor Chee Heung, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan projek Strategi Lautan Biru Negara : *My Beautiful Neighbourhood* Rumah Pangsa Simpang Kuala dan Seberang Terus Alor Setar yang turut dihadiri oleh YB Dato' Paduka Ahmad Bashah Md Hanipah, ADUN Bakar Bata, YBhg Dato' Chong Irt Chew, penylaras ADUN Kota Darulaman dan YBhg Dato' Haji Mat Noh bin Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar.

Di bawah program membaiki pulih rumah pangsa awam, KPKT sedang membaiki pulih lapan (8) skim rumah pangsa awam yang telah dihuni oleh penduduk berpendapatan rendah dan tidak terurus dengan sempurna selama 30 hingga 40 tahun. Tiga (3) daripada skim ini bertempat di Alor Setar, Kedah yang menelan belanja lebih kurang RM8.47 juta iaitu :-

- Rumah Pangsa Taman Setia Jaya, Alor Setar;
- Rumah Pangsa Simpang Kuala, Alor Setar; dan
- Rumah Pangsa Seberang Terus, Alor Setar.

Semua kerja membaiki pulih dijangka akan siap dibaik pulih dan diindahkan sebelum akhir tahun ini, seperti:

- Menukar tangki air yang rosak kepada tangki yang lebih tahan lama dan berkapasiti tinggi;
- Menukar bumbung, siling dan kerangka bumbung yang dilengkapi dengan lapisan aluminium;
- Mengecat bangunan termasuk rangka pintu, fascia board dan ruang tangga;
- Pembaikan lampu dan pedawaian semula lampu di kaki lima bangunan;
- Menaik taraf longkang perimeter dalaman dan sistem peparitan luar;
- Membaiki surau termasuk kerja-kerja mengganti karpet, kerangka, bumbung, awning, siling dan pagar;
- Menaik taraf dan membaiki pulih jalan dan menyusun semula petak meletak kereta;
- Mengindahkan landskap persekitaran dengan memasang alatan mainan kanak-kanak, tong sampah (*litter bin*) dan kerusi taman; dan
- Membina Dewan Serbaguna, untuk Rumah Pangsa Seberang Terus di atas permintaan penduduk.

Berbez dengan projek-projek membaiki pulih kawasan terdahulu, dan selaras dengan strategi lautan biru negara, pertama kali penghuni-penghuni rumah pangsa ini telah diajak berunding dan bersetuju akan penyelesaian beberapa isu utama dan kerja-kerja penambahbaikan yang perlu dilaksanakan di kedua-dua taman ini. Sebanyak 3 sesi perbincangan dan dialog telah diadakan di antara pegawai-pegawai KPKT dan wakil-wakil rakyat serta penduduk tempatan.

Dari aspek keselamatan dan pencegahan jenayah pula, Ibu Pejabat Polis Negeri dan pejabat polis daerah, bersama-sama dengan anggota RELA dan persatuan penduduk telah meningkatkan rondaan keselamatan dan *omnipresence*. Manakala papan tanda peringatan mengunci motosikal dan talian kecemasan PDRM juga akan dipasang di bawah Program Bandar Selamat.



LARIAN JOM! KITAR SEMULA DAN HABITAT 2012 CATAT KEJAYAAN DALAM THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS



KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah berjaya dicatatkan di dalam *the Malaysia Book Of Record* bagi kejayaan 'Largest Simultaneous Participation In A Run To Promote Recycled Campaign' melalui penganjuran Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat 2012 yang telah disertai oleh seramai 26,000 orang peserta.

Program Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat 2012 merupakan salah satu acara tahunan sempena Hari Kitar Semula Peringkat Kebangsaan. Program ini telah dilaksanakan pertama kalinya pada 18 Disember 2011 bersama-sama dengan Program *Roadtour* Kitar Semula bersama RTM di seluruh Semenanjung Malaysia mulai pada 18-24 Disember 2011.

Program anjuran bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan ini telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada Perbadanan Putrajaya, Alam Flora Sdn. Bhd, Southern Waste Management dan Environment Idaman Sdn. Bhd.

Objektif program ini diadakan adalah untuk menggalakkan penyertaan dan meningkat kesedaran masyarakat terhadap aktiviti kitar semula disamping memupuk budaya hidup sihat di kalangan masyarakat. Kesedaran terhadap aktiviti kitar semula ini amat penting kerana ianya merupakan salah satu komponen utama dalam mengurangkan jumlah sisa pepejal di Malaysia.

Pada tahun ini, Program Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat 2012 dilaksanakan secara serentak di seluruh negeri pada 17 November 2012 di Semenanjung Malaysia kecuali Negeri Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Pelepasan larian di peringkat kebangsaan diadakan di Laman 1 Malaysia, Presint 2, Putrajaya dirasmikan oleh Encik Yong Bun Fou, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, YBhg.



Datuk Haji Zaini Md. Nor, Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA, YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya, Ketua Pengarah JPSPN serta En. Noor Azhar Zainal, Pegawai Perbadanan Putrajaya manakala bagi pelepasan larian di peringkat negeri pula dirasmikan oleh Menteri Besar negeri masing-masing.

Keunikan program Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat ini ialah ia tidak mengenakan sebarang bayaran bagi tujuan pendaftaran sebaliknya setiap peserta perlu menghantar barangan kitar semula berupa 5 naskah surat khabar atau 10 botol plastik atau 10 kotak tetrapek atau 10 tin aluminium sebagai syarat penyertaan. Ini merupakan satu insentif kepada masyarakat supaya tidak merasa terbeban dengan yuran penyertaan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan janaan sisa pepejal serta memupuk amalan kitar semula di kalangan masyarakat.

Terdapat 10 kategori larian iaitu Murid Sekolah Lelaki (3km), Murid Sekolah Perempuan (3km), Remaja Lelaki (7km), Remaja Perempuan (7km), Dewasa Lelaki (10 km), Dewasa Wanita (10km), Veteran Lelaki (5km), Veteran Wanita (5km), *Fun Run* Terbuka (3km) dan VIP (3km). Program ini juga turut menyediakan 20 item pelbagai barang elektrik dan sebuah motosikal di setiap lokasi larian bagi hadiah cabutan bertuah kepada para peserta.



KITAR SEMULA

KEMUDAHAN MENDAPATKAN SEMULA BAHAN KITAR SEMULA PERTAMA DI MALAYSIA

Pada 12 November 2012 telah berlangsung Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (*MoU*) mengenai Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan Kitar Semula (*Material Recovery Facility-MRF*). Majlis Menandatangani *MoU* ini ialah di antara Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd, Worldwide Holdings Sdn Bhd dan MDS Sdn. Bhd dengan Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara iaitu agensi di bawah KPKT dan telah disaksikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Seri Chor Chee Heung.

Kerajaan terutamanya KPKT amat gembira dengan usaha kerjasama sebegini yang menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam usaha bersama-sama membantu meningkatkan kadar kitar semula di Malaysia. Kementerian berharap bahawa lebih banyak organisasi akan bersama-sama menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan kadar kitar semula di Malaysia, dan tambah bermakna apabila Memorandum Persefahaman ini dimeterai sehari selepas 11 November iaitu merupakan Hari Kitar Semula Kebangsaan yang ditetapkan oleh Kerajaan sejak tahun 2001.

Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan Kitar Semula (*MRF*) ini merupakan yang pertama di Malaysia. Ini adalah inisiatif Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd, manakala teknologinya dibangunkan oleh MDS Sdn. Bhd. Kemudahan ini ditempatkan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari, Jeram yang dioperasikan oleh Worldwide Landfills Sdn. Bhd.

Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan Kitar Semula yang berskala lebih besar juga sedang dibina oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara di kesemua sembilan (9) buah projek membina baru tapak pelupusan sisa pepejal sanitari di Malaysia. Kesemua tapak yang dibina oleh Kerajaan akan dilengkapi oleh kemudahan ini bagi mendapatkan bahan-bahan kitar semula sebelum dilupuskan di tapak pelupusan. Kemudahan ini dilihat melengkapi pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dimulakan dengan amalan mengasingkan sisa dari puncanya oleh orang awam dan kemudian disokong oleh kemudahan ini di tapak pelupusan.

Justeru, Kerajaan amat yakin sasaran kadar kitar semula sebanyak 22% dan pengurangan sisa sebanyak 40% ke tapak pelupusan menjelang Tahun 2020 dapat dicapai. Kerjasama sebegini adalah contoh yang baik diantara Kerajaan dan pihak swasta malah usaha-usaha sebegini amat diperlukan untuk menguruskan cabaran sisa pepejal di Malaysia. Kerajaan juga berharap usaha ini akan diteruskan pada masa akan datang kerana pengurusan sisa pepejal di Malaysia memerlukan penyertaan dari semua pihak terutama pihak yang berkepentingan (*stakeholders*), Syarikatsyarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (*NGOs*) dan orang ramai.

1 OKTOBER SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA

1 Oktober adalah Hari Habitat Sedunia yang disambut secara global oleh hampir ke semua negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Sambutan ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan penempatan manusia yang selesa. Satu perakuan komitmen kepada Agenda Habitat ditandatangani Kerajaan Malaysia yang diwakili Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada Persidangan UNCHS-HABITAT II di Istanbul, Turki pada 1996. Perakuan komitmen Agenda Habitat adalah satu pelan Tindakan Sejagat (*Global Action Plan*) yang dipersetujui semasa Persidangan Pertubuhan PBB. Agenda Habitat ini menitikberatkan perumahan yang mencukupi untuk semua dan keselamatan pembangunan penempatan manusia. Sebagai salah satu penandatangan kepada Agenda Habitat, Malaysia terbabit dalam 20 komitmen utama dalam menjayakan Agenda Habitat ini, iaitu dari sudut tempat berlindung, pembangunan sosial dan pembasmian kemiskinan, pengurusan alam sekitar, pembangunan ekonomi, tadbir urus dan kerjasama antarabangsa.

Membina masyarakat dinamik

Dalam merealisasikan agenda Habitat, KPKT bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan penempatan manusia melalui program perumahan yang komprehensif, pemajuan tanah yang seragam dan mampan dan disokong pula dengan kemudahan infrastruktur yang bersepadu, perkhidmatan sosial dan rekreasi ke arah membina masyarakat yang dinamik. Selain itu KPKT juga bertanggungjawab untuk menggalak, memaju dan membimbing PBT dalam penyediaan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti, melalui kemudahan sosial dan rekreasi bagi memenuhi cita rasa penduduk, peluang ekonomi yang seimbang selaras dengan matlamat pembangunan negara. Seiring komitmen Malaysia terhadap Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, KPKT selaku *National Focal Point* untuk UN-Habitat di Malaysia mengadakan Sambutan Hari Habitat Peringkat Kebangsaan di PICC, Putrajaya pada 1 Oktober 2012. Tema pada tahun ini "*Changing Cities, Building Opportunities*" bertepatan dengan peranan KPKT di dalam pembangunan negara yang kini menuju ke arah untuk mencapai status Negara Maju berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020. Tema ini juga membawa maksud bahawa kawasan bandar yang sedang mengalami perubahan pesat, perlu mengambil langkah yang holistik bagi menyediakan kualiti kehidupan rakyat yang lebih baik serta peluang pekerjaan dan kemudahan awam yang mencukupi ke arah pembangunan negara yang mampan.

Meningkat kualiti kehidupan

Pengajaran oleh KPKT adalah selari dengan aktiviti dan projek dalam meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih baik dan seiring dengan pelaksanaan program Agenda 21 dan *Millennium Development Goals (MDG)*, Program Bandar Selamat yang dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian. KPKT menganjurkan sambutan Hari Habitat sejak 1985 lagi, pelbagai aktiviti dan program kesedaran diadakan dan ia membabitkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pemaju perumahan, pelajar sekolah, pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan anggota masyarakat. Penyertaan dari pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan juga dilihat bertambah setiap tahun. Untuk tahun ini pelbagai program dan aktiviti menarik dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penempatan manusia di masa hadapan.

Program-Program yang Dijalankan Sempena Hari Habitat 2012

1. House Build

Projek *House Build* yang berteraskan "Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan" adalah satu projek yang membabitkan kerjasama KPKT, badan bukan kerajaan, individu, pihak swasta dan pihak berkuasa tempatan dalam membaiki pulih rumah lama dan usang yang dimiliki oleh golongan miskin dan miskin tegar. Sebanyak 45 buah rumah telah berjaya dibaikpulihkan sejak 2009 pelaksanaan program *House Build* ini. Pada tahun ini sebanyak 16 rumah dipilih untuk program ini. Pada program yang sama sesi gotong-royong membabitkan masyarakat setempat dan semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan diadakan.

2. Analisis Senario Habitat oleh Pelajar

Pertandingan Analisis Senario Habitat Peringkat Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mendapat sambutan yang menggalakkan di mana sebanyak 121 buah sekolah, 14 IPTA berminat untuk menyertai pertandingan ini. Sebanyak empat (4) senario yang berkaitan dengan i) perubahan iklim, ii) pengurusan sisa pepejal, iii) bandar selamat dan iv) rumah mampu milik diberi pilihan untuk dianalisis dan dibentangkan.

3. Program Bank Kitar Semula

Program yang bertujuan menerapkan amalan kitar semula di kalangan pelajar adalah usaha sama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Simbolik program telah diadakan bersama dengan program Habitat 1Malaysia, di mana sebanyak 45 buah sekolah terpilih mengadakan pengumpulan bahan kitar semula yang dibawa oleh para pelajar. Sebanyak 70,304 tan bahan kitar semula berjaya dikumpulkan dalam masa 7 jam dan kejayaan ini direkodkan di dalam *Malaysia Book of Records*.

4. Program Sedetik Habitat 1Malaysia

Program ini membabitkan penyertaan seramai lebih 100,000 pelajar dari 157 buah sekolah rendah dan menengah yang terpilih di seluruh Negara untuk melafazkan ikrar Aku Janji. Ikrar Aku Janji ini dijalankan serentak pada jam 8 pagi oleh semua sekolah yang terbabit pada 18 September yang lepas. Pendedahan awal kepada pelajar amat penting dalam membentuk generasi golongan pelapis yang peka terhadap isu-isu semasa penempatan manusia dan alam sekitar. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia.

5. Seminar Sempena Hari Habitat Sedunia 2012

Seminar Kebangsaan ini menggabungkan profesional yang terdiri daripada pegawai kerajaan, pemaju perumahan, badan profesional, individu dan NGO. Melalui kertas kerja dan diskusi yang dibentangkan seminar ini diharap dapat menyediakan platform untuk berkongsi pengalaman, amalan baik dan penemuan baru dalam menangani isu-isu mengenai penempatan dan pembangunan bandar yang mampan.





PLATFORM PERKONGSIAN MAKLUMAT SEMENA SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA

Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) kali ke-15 telah diadakan dengan jayanya pada 24 hingga 26 September 2012 bertempat di Putrajaya Convention Centre (PICC), Putrajaya. Bersempena dengan sambutan HLN 2012, turut dianjurkan Persidangan Pegawai Perkhidmatan Landskap yang julung-julung kalinya diadakan sejajar dengan perkembangan landskap negara dan liberalisasi perkhidmatan landskap di arena antarabangsa. Seramai 250 pegawai perkhidmatan landskap yang terdiri daripada semua pelbagai agensi kerajaan hadir dalam persidangan tersebut yang bertemakan Modal Insan Cemerlang Ke Arah Negara Taman. Majlis yang turut meraikan Hari Landskap Negara telah dirasmikan oleh YB Dato Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebanyak 20 pembentangan kertas kerja dari pelbagai lapisan organisasi kerajaan dan swasta antaranya Jabatan Landskap Negara, Perbadanan Putrajaya,

Jabatan Landskap Johor, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Universiti Teknologi Malaysia, MARDI dan Perbadanan Labuan dibentangkan merangkumi topik berikut:

- Meningkatkan professionalism pegawai-pegawai perkhidmatan landskap yang merangkumi pegawai-pegawai yang bertugas di peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun;
- Mengukuuhkan kerjasama dan jaringan perhubungan Pegawai Perkhidmatan Landskap merentasi kategori pendidik, perunding, pelaksana dan pengurus landskap;
- Mewujudkan platform perkongsian maklumat, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perlandskap; dan
- Mengukuuhkan skim perkhidmatan landskap dari aspek skop kepakaran, tugas, perjawatan dan 'career path'.



Persidangan yang dirancang untuk diadakan dua (2) tahun sekali ini diharap dapat meningkatkan professionalism pegawai perkhidmatan landskap merangkumi jaringan perhubungan, mewujudkan platform perkongsian maklumat dan pengalaman serta mengukuhkan kepakaran dan landasan kerjaya selaras dengan perkembangan landskap negara dan liberalisasi perkhidmatan landskap di arena antarabangsa dan visi menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang 2020.



PROFESION SENIBINA LANDSKAP

Bersempena dengan sambutan Hari Landskap Sedunia kali ke-15, menyaksikan satu transformasi yang ketara berlaku kepada senario landskap di Malaysia dalam tempoh 15 tahun. Usaha Kerajaan dalam memberikan keutamaan untuk melandaskan negara bermula pada tahun 1995 dengan pelaksanaan *landscaping the nation*, diikuti dengan penubuhan Jabatan Landskap Negara (JLN) pada tahun 1996, pelancaran kempen penanaman pokok pada tahun 1997, seterusnya diikuti dengan pelaksanaan program-program pembangunan dan pengurusan landskap serta taman-taman awam oleh kpkt melalui JLN bagi membantu PBT di seluruh negara. Usaha Kerajaan ini dimantapkan lagi dengan kelulusan Jemaah Menteri terhadap Dasar Landskap Negara pada 22 Disember 2010 yang kemudiannya dilancarkan pada 30 September 2011.

Jika sebelum ini, penganjuran Hari Landskap saban tahun memberikan tumpuan kepada pelbagai aspek atau subjek bagi pembangunan landskap, namun pada tahun 2012, buat pertama kalinya, tumpuan diberikan kepada modal insan yang mengendalikan pembangunan landskap itu sendiri.

Profesion senibina landskap bukan lagi asing di mata masyarakat, baik di peringkat tempatan atau di peringkat global. Ini adalah kerana senibina landskap merupakan antara profesion yang paling relevan kepada penyediaan infrastruktur hijau dan penyelesaian isu-isu pemanasan global. Pendekatan-pendekatan yang diamalkan di dalam proses perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap menjadikan personel di dalam bidang landskap ini diperlukan di pelbagai perkhidmatan lain di serata

dunia. Ditambah dengan kecanggihan dan kepelbagaian kemudahan teknologi yang semakin mendapat tempat kini, perkembangan profesion landskap dilihat mulai meningkat melalui integrasi dengan kemahiran kreatif.

Justeru, untuk terus relevan setanding dengan profesion lain, adalah sangat penting bagi pegawai-pegawai perkhidmatan landskap memastikan tahap kemahiran profesional dan kompetensi individu ditambahbaik dari semasa ke semasa melalui tiga (3) pendekatan utama.


Pertama, melalui usaha menimba ilmu dan pengalaman secara berterusan, contohnya menerusi program kolaborasi teknikal, bersama agensi lain yang berkaitan dengan landskap. Kepelbagaian teknik dan sistem pengurusan pembangunan landskap yang diamalkan oleh negara-negara lain di Asia, Amerika dan Eropah juga perlu digalakkan untuk dipelajari melalui latihan jangka panjang atau pelaksanaan program *attachment*. Program-program seperti ini akan memberikan pendedahan yang luas kepada pengetahuan teknikal pegawai perkhidmatan landskap selain kemahiran, keyakinan serta jatidiri individu yang sangat berharga. Ini bukan sahaja akan mencerminkan imej professionalism kerjaya perkhidmatan landskap yang bermutu tinggi bahkan ia juga akan memberi impak kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

Pendekatan kedua yang perlu diberi keutamaan sebagai pegawai perkhidmatan landskap ialah peranan terhadap masyarakat Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pemain industri untuk memastikan setiap keperluan rekreasi masyarakat Malaysia dipenuhi. Peningkatan tahap intelektual dan pengetahuan masyarakat di kawasan bandar terutamanya dalam bidang landskap turut menjadikan mereka lebih mengambil berat mengenai keperluan rekreasi dan sistem yang diamalkan dalam perkhidmatan landskap. Ia memberi impak yang besar kepada ekspektasi dan kehendak masyarakat secara amnya. Biarpun menanggapi kehendak masyarakat ini akan menjadikan pegawai-pegawai perkhidmatan landskap untuk melaksanakan

peranan yang lebih besar; namun jika dilihat dari sudut yang lebih positif, hasil yang diperolehi adalah sangat berharga iaitu mempunyai masyarakat yang mencintai landskap dan sekitar. Justeru itu, apresiasi dan kecintaan masyarakat terhadap landskap perlu terus dipupuk dan digalakkan di semua peringkat usia supaya ia akan menjadi satu budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia.

Pendekatan ketiga adalah melalui sokongan pegawai perkhidmatan landskap dalam menggunakan dokumen Dasar Landskap Negara sebagai asas dalam melaksanakan peranan dan tugas di organisasi masing-masing. Hal ini adalah bagi memastikan penyediaan persekitaran kehidupan yang indah, selesa dan menyeluruh serta memacu pembangunan negara yang seimbang dan mampan di semua peringkat di Malaysia.

Dengan adanya sokongan padu daripada pemain-pemain industri dalam melaksanakan setiap pelan tindakan yang didasarkan, misi negara untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020 dapat dicapai. Dengan komitmen yang berterusan, peranan yang kecil juga akan turut memberi impak kepada kesejahteraan dan kemampan landskap di Malaysia, seterusnya ke peringkat global.





PELANCARAN PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA PENGUATKUASA PPSPPA

Tanggal 1 November 2012 telah melakar sejarah negara apabila Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah melancarkan pakaian seragam anggota penguatkuasa buat pertama kalinya. Majlis yang bertempat di Dewan Kristal, KPKT ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan selaku, Pengerusi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Sebagai nadi penggerak utama Perbadanan, anggota penguatkuasa memainkan peranan yang penting dalam memastikan Akta 672 dan penswastan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam benar-benar berjaya. Peranan utama yang dimainkan oleh anggota penguatkuasa Perbadanan adalah untuk mengawalselia kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat konsesi di negeri-negeri yang menerima Akta 672.

Perbadanan telah menyediakan KPI (*Key Performance Indicator*) bagi aktiviti kutipan dan pembersihan awam yang perlu dipatuhi oleh syarikat konsesi. KPI ini terdiri daripada 24 KPI bagi kutipan dan 51 KPI bagi pembersihan awam yang disediakan bagi mengukur tahap keakuran perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi.

Anggota Penguatkuasa Perbadanan akan memantau dan mengawalselia syarikat konsesi ini bagi memastikan KPI yang telah ditetapkan dipatuhi dari masa ke semasa. Pemantauan yang sistematik melalui penggunaan sistem *handheld* telah diperkenalkan oleh Perbadanan bagi memastikan integriti penguatkuasa dapat dipelihara sebaik mungkin. Melalui penggunaan sistem handheld, pemantauan secara kaedah maya dibuat dan setiap ketidakpatuhan direkod dan dihantar kepada syarikat konsesi untuk tindakan susulan segera. Penggunaan sistem ini juga dapat merekod kedudukan dan waktu ketidakpatuhan yang dilakukan oleh syarikat konsesi dengan tepat. Selain memastikan pematuhan standard KPI yang telah ditetapkan, anggota penguatkuasa juga bertanggungjawab dalam menyiasat dan mengambil tindakan terhadap aduan awam yang diterima daripada orang awam. Segala aduan yang diterima akan diambil tindakan dengan kadar segera bagi memastikan kesejahteraan dan kepentingan orang awam sentiasa dititikberatkan.

Sehingga kini Perbadanan mempunyai 575 anggota penguatkuasa yang terlatih bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan kawalselia kualiti perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat konsesi iaitu Alam Flora Sdn. Bhd, Southern Waste Management Sdn Bhd dan Environment Idaman Sdn Bhd. Selain itu, Perbadanan juga mempunyai 48 buah pejabat di seluruh Semenanjung Malaysia (kecuali Perak, Selangor dan Pulau Pinang) bagi memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri yang menerima Pelaksanaan Akta 672 berjalan lancar.



PELANCARAN KEMPEN BENCI SAMPAH

Serentak dengan Pelancaran Pakaian Seragam Anggota Penguatkuasa Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada 1 November 2012, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) juga telah melancarkan Kempen Benci Sampah yang bertujuan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat Malaysia mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berlandaskan pendekatan amalan kitar semula dan *Anti-Litter*. Kempen yang berlangsung selama 3 bulan ini merupakan salah satu usaha Perbadanan dalam menggalakkan masyarakat Malaysia mengamalkan kitar semula.

Di antara Kempen Benci Sampah yang akan dilaksanakan oleh PPSPPA adalah dengan pengedaran sejuta naskah Buku Panduan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kitar Semula kepada semua di premis kediaman seluruh Semenanjung Malaysia. Buku panduan ini yang diberikan secara percuma bertujuan memberi panduan dan sebagai rujukan dalam menguruskan sisa pepejal dengan kaedah yang betul di kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, buku panduan ini juga menerangkan tanggungjawab dan tatacara yang betul bagi penggunaan tong sampah beroda berkapasiti 120 liter yang dibekalkan secara percuma kepada masyarakat secara berperingkat mulai pada bulan Oktober 2011 sehingga tahun 2014.

Perbadanan juga telah menerbitkan sejuta risalah Kempen Kitar Semula dan *Anti-Litter* yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia agar tidak membuang sampah merata-rata dan mengamalkan kitar semula. Risalah ini akan diedarkan di institusi-institusi pendidikan, rumah ibadat, organisasi sama ada kerajaan mahu pun swasta serta komuniti dan premis kediaman di semua negeri yang menerima pakai Akta 672.

Selain itu, Perbadanan turut melaksanakan Kempen Kitar Semula dan *Anti-Litter* di koc tren Putra LRT Rapid KL laluan Kelana Jaya dan Gombak yang melibatkan 12 koc dan 36 unit poster Kitar Semula dan *Anti-Litter*. Kempen yang dijalankan selama 6 bulan ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat dan informasi berkaitan Kitar Semula dan *Anti-Litter* di kalangan pengguna LRT di bandaraya Kuala Lumpur.

Bagi tujuan kempen di seluruh negara, Perbadanan telah menggunakan perkhidmatan 15 buah bas ekspres Transnasiona yang bergerak di seluruh negara untuk menyedarkan masyarakat Malaysia di kalangan pengguna jalanraya supaya mengamalkan kitar semula dan bersama-sama menjalankan tanggungjawab dalam menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih dan sejahtera.





ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

KPKT TERIMA PENARAFAN PORTAL LIMA BINTANG

Pada 8 Oktober 2012, *Multimedia Development Corporation (MDEC)* telah mengeluarkan Keputusan Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan 2012 yang telah dijalankan mulai 1 April 2012 hingga 30 Jun 2012. KPKT telah berjaya mengekalkan penarafan LIMA bintang dan sekaligus menduduki tempat Ke-5 di bawah kategori *Overall Portal Ranking* dengan markah sebanyak 98 markah. Bagi kedudukan di peringkat kementerian, KPKT berada di tempat ke-3 secara keseluruhannya. Penarafan ini berdasarkan kepada Laporan *The Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MPGWA) 2012* oleh MDEC melalui penilaian 1,268 portal dan laman web agensi kerajaan. Semua Jabatan di bawah KPKT turut menerima penarafan Lima Bintang bagi kategori Portal dan Laman Web melainkan JPBD yang memperoleh 4 Bintang



PENSIJILAN ISMS MS ISO/IEC 27001:2007

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima Pensijilan MS ISO /IEC 27001:2007 daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 21 November 2012 bagi skop Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat Untuk Pengoperasian Pusat Data Bagi *Server Consolidation And Virtualization*. Tempoh pensijilan adalah selama tiga tahun iaitu bermula pada 21 September 2012 sehingga 20 September 2015.



KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia bersama dengan Polis DiRaja Malaysia melalui Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) - aplikasi GIS untuk pemetaan dan pemantauan jenayah telah menerima Anugerah "Future City of The Year 2012" sempena *FutureGov Summit* di Chiangmai, Thailand pada 17-19 Oktober 2012.

Melalui kerjasama strategik JPBD dan PDRM dalam pemantauan jenayah secara pemetaan digital, SPBS dilengkapi dengan pelbagai inovasi khususnya pengintegrasian dengan *Police Reporting System (PRS)* bagi membolehkan lokasi dan data jenayah dipetakan di peringkat balai polis di seluruh Malaysia, penggunaan teknologi *virtualization* di peringkat *Enterprise (wide scale)* dan pembangunan aplikasi interaktif peta jenayah. Sistem ini telah mula beroperasi pada 1 Januari 2011 dan sehingga kini telah dihubungkan ke 216 Balai Polis dan 35 PBT di seluruh Malaysia.



ANUGERAH SELF RELIANCE OSS SEKTOR AWAM

Pada 26 November 2012, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima *Anugerah Self Reliance OSS Sektor Awam* dalam Persidangan MyGoscon 2012 bertempat di Shah Alam Convention Center. Anugerah ini adalah untuk mengiktiraf dan memperakui usaha gigih KPKT dalam melaksanakan OSS untuk menggalakkan kecemerlangan perkhidmatan dan penggunaan efektif ICT. Anugerah telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah binti Mohd Zahri, Timbalan Ketua Pengarah (ICT), MAMPU kepada YBhg. To' Puan Noriah Hashim.

PERBADANAN PERGIAT AKTIVITI PROMOSI DAN PAMERAN



3rd International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2012 (IGEM) di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) telah berlangsung yang mana Pada 10-13 Oktober 2012 PPSPPA telah dijemput untuk mengadakan pameran mengenai 3R dan juga kaedah pengkomposan Takakura Home Method – Compost Chang. Selain daripada pameran, promosi Larian Jom! Kitar Semula juga dilakukan bagi menarik lebih ramai peserta untuk menyertai larian tersebut. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan memperkenalkan produk teknologi hijau kepada masyarakat awam. Program ini telah disertai oleh warga kerja PPSPPA dari Bahagian Teknologi Penyelidikan, Sisa Binaan dan Industri, Kitar Semula dan Kesedaran Awam dan juga Bahagian Korporat Dan Sumber Manusia.



Selain itu, pada 26 November 2012, Bahagian Teknologi Maklumat dan Pengurusan Data (BTMPD), PPSPPA telah menyertai pameran yang dianjurkan oleh PIKOM bersempena dengan persidangan Malaysian Government Open Source Software Conference (MyGOSSCON) 2012, persidangan tahunan kebangsaan Perisian Sumber Terbuka yang dianjurkan oleh MAMPU di Shah Alam Convention Centre. Program yang berlangsung selama sehari tersebut disertai dengan pengisian pameran dua (2) sistem aplikasi Perbadanan iaitu sistem pemantauan syarikat konsesi, i-Mems dan sistem yang dibangunkan secara in-house oleh BTMPD iaitu Sistem Bank Kitar Semula.

PPSPPA juga terlibat dalam menjayakan World Innovation Forum Kuala Lumpur (WIFKL) dan National Innovation Conference & Exhibition 2012 (NICE) yang telah berlangsung pada 5 – 7 November 2012 di KLCC. Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat awam mengenai produk inovasi negara. PPSPPA telah dijemput untuk mempamerkan pengkomposan Takakura Home Method – Compost Chang. Pameran telah disertai oleh warga kerja dari bahagian Teknologi Penyelidikan, Sisa Binaan dan Industri, Kitar semula dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



PPR GUA MUSANG DIJANGKA SIAP 6 BULAN LEBIH AWAL

YB Dato' Seri Chor Chee Heung telah mengadakan lawatan ke PPR Gua Musang pada 4 Oktober 2012. Turut sama dalam lawatan ini ialah Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak; Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, YBhg. Datuk Makhtar Mustafa; Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Tuan Ab Aziz Yusof; dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Tuan Mohd Arshad Ismail.

Semasa lawatan ke projek PPR pertama di Kelantan ini, Dato' Seri Chor berkesempatan meninjau rumah contoh yang telah disiapkan. Beliau secara peribadinya berpuas hati dengan pembinaan 1,000 unit rumah PPR di Bandar Baru Gua Musang itu dengan keadaan dalam rumah yang cukup selesa dan menarik untuk didiami. Projek PPR tersebut dibina dengan kos RM150 juta dan dijangka siap enam (6) bulan lebih awal daripada masa yang ditetapkan iaitu pada 20 Jun 2014 kerana pemajunya mempunyai banyak kepakaran.

LAWATAN INSPEKTORAT SISA PEPEJAL KE 8 NEGERI

Bahagian Inspektorat telah melaksanakan Lawatan Inspektorat Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada 3 hingga 14 September 2012 di lapan (8) negeri yang telah menerima pakai Akta 672 dan Akta 673 iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kedah dan Perlis termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Selain mendapatkan maklumbalas daripada penduduk setempat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai kualiti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam setahun selepas pengambilalihan oleh Kerajaan Persekutuan, lawatan ini juga bertujuan untuk mengenalpasti isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak PPSPPA dalam pelaksanaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Di samping itu, penemuan daripada hasil lawatan tersebut telah mencadangkan beberapa penambahbaikan tertentu bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Laporan lawatan telah dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Bilangan 15/2012 pada 15 Oktober 2012.



HARI PSIKOLOGI TAHUN 2012: MINDA SIHAT, PERSONALITI HEBAT

Sambutan Hari Psikologi 2012 telah diadakan pada 16 November 2012 (Selasa) di Dewan Kristal, Aras B1, KPKT dengan tema Minda Sihat, Personaliti Hebat. Tema ini dilihat bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam mewujudkan penjawat awam yang berprestasi tinggi, bukan sahaja cemerlang dari aspek prestasi kerja bahkan juga memiliki tahap kefungsian psikologi yang tinggi dan kesihatan fizikal yang stabil.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Psikologi telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBrs. Dr. Aris Kasan, Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Seramai 250 orang warga Kementerian telah menghadiri majlis ini yang diadakan buat julung-julung pertama kalinya di KPKT. Majlis perasmian sambutan ini turut dimeriahkan dengan persembahan pentomen yang dijayakan oleh warga Bahagian Sumber Manusia.

Antara pengisian program adalah sesi ceramah daripada pakar-pakar psikologi seperti YBrs. Dr. A. Sher Kawi Jaffar (Kaunselor/ Pakar Motivasi), YBrs. Dr. Geishina Ayu Dato' Dr. Mat Saat Baki (Pakar Criminologist dan Psychologist, Universiti Sains Malaysia) dan Encik Ridzuan Mohd Zamberi (Pegawai Psikologi, Universiti Putra Malaysia). Di samping itu, terdapat enam (6) buah booth pameran yang dibuka sepanjang program berlangsung.

AKTIVITI DALAMAN



BENGKEL LELONGAN AWAM PAJAK GADAI

Bengkel Lelongan Awam Pajak Gadai selama 3 hari 2 malam telah diadakan di Sri Intan (TM Resort) Port Dickson pada 21 hingga 23 November 2012. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 35 pegawai Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) dari ibu pejabat, dan juga cawangan Sabah dan Sarawak. Matlamat bengkel ini adalah membincangkan isu-isu berkaitan lelongan awam pajak gadai yang dipantau oleh pegawai Kementerian.

Bengkel ini juga bagi memberi pendedahan kepada semua pegawai tentang jenis-jenis emas di pasaran, cara pengiraan komoditi emas, dan juga sistem pajakan secara islam iaitu Ar-Rahnu oleh dua (2) orang penceramah termasuk seorang pegawai dari Ar-Rahnu Bank Rakyat. YBrs Tuan Yong Bun Fau, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian juga telah menyertai sesi ceramah berkaitan konsep Ar-Rahnu yang diadakan oleh kedua-dua penceramah tersebut.

BENGKEL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN JLN

Jabatan Landskap Negara telah mengadakan Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Landskap Negara pada 6-9 November 2012 bertempat di Dynasty Hotel, Kuala Lumpur. Tujuan bengkel diadakan ialah bagi memberi latihan dan pemahaman kepada warga Jabatan dalam melaksanakan arahan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Jabatan. Para peserta bengkel juga turut menjalani latihan praktikal tentang tatacara mengenalpasti jenis-jenis hazard yang terdapat dalam ruang kerja di pejabat.



SEMINAR PPW DAN PPG BAGI ZON TIMUR

Pada 6 November 2012 bertempat di Residence Inn, Cherating Pahang telah berlangsung Seminar Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) Zon Timur. Seminar hari ini telah disertai oleh lebih kurang 90 orang pemegang lesen pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai dari Zon Timur. Tiga (3) sesi ceramah dari Bank Negara, MAMPU, dan juga BPWG telah diadakan bagi menyampaikan maklumat-maklumat terbaru kepada semua pemegang lesen yang hadir.



AKTIVITI BOMBA

HARAP KEJADIAN LUAR JANGKA TIDAK MEMATAHKAN SEMANGAT

YB Dato' Seri Chor Chee Heung menyifatkan insiden kecederaan yang dialami oleh anggota Bomba dan Penyelamat Malaysia sewaktu operasi memadam kebakaran di sebuah kilang tayar di kawasan perindustrian Pengkalen Chepa, Kelantan pada 4 November merupakan satu cabaran getir yang perlu dihadapi oleh pegawai dan anggota Bomba Penyelamat Malaysia.

Pada 5 November 2012, YB Dato' Seri Chor bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg Datuk Arpah Abdul Razak dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim telah melawat anggota Bomba yang cedera yang berada di Hospital Universiti Sains Malaysia dan Hospital Sultanah Zainab II. YB Menteri merakamkan ucapan penghargaan terima kasih di atas tugas yang baik dalam melindungi dan menyelamatkan dan berharap agar anggota yang tercedera bersabar menghadapi musibah yang menimpa.

Dato' Seri Chor amat menghargai semangat dan keberanian yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai bomba dalam menangani operasi pemadaman kebakaran tersebut. Beliau berkata anggota Bomba sentiasa berdepan dengan situasi genting kerana terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dalam tugas menyelamatkan. Namun sebagai tanggungjawab utama yang diamanahkan oleh kerajaan dan masyarakat, anggota Bomba yang terlatih sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang bencana.

Beliau berharap kejadian di luar jangkaan ini tidak akan mematahkan semangat Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk terus berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Beliau yakin berbekalkan ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh setiap anggota bomba, pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia mampu untuk mengharungi segala cabaran dalam tugas harian mereka.



SEMANGAT CEKAL WIRA API HADAPI SITUASI LUAR JANGKA

Tanggal 4 November 2012 menyaksikan sekumpulan anggota bomba berdepan situasi luar jangka ekoran kebakaran di sebuah kilang tayar yang tidak lagi beroperasi di Kawasan Perindustrian, Padang Tembak, Pengkalen Chepa, Kota Bharu, Kelantan apabila sebuah tangki minyak pelincir terpakai berkapasiti antara 16,000 hingga 25,000 liter meletup sehingga 'memuntahkan' minyak bersama api dan membakar anggota bomba yang cuba memadamkan kebakaran di kilang berkenaan.

Pihak Bomba dan Penyelamat menerima panggilan kecemasan jam 8.11 pagi, dan bergegas ke tempat kejadian. Kebakaran tersebut bermula jam 8.00 pagi dan api dapat dikawal selepas setengah jam, namun suasana bertukar cemas selepas minyak dari tangki itu memuncut dan meletuskan api setinggi lebih 30 meter dan kemudiannya api yang marak menjulang menyambar beberapa anggota bomba yang berada berhampiran tangki berkenaan.

Seramai 10 pegawai dan anggota bomba cedera termasuk seorang anggota bomba wanita. Tujuh (7) anggota dihantar ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, manakala tiga (3) lagi ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) kerana melecur di bahagian belakang, tangan, leher dan muka. Antara yang parah ialah Penolong Ketua Balai Kota Bharu, Pegawai Bomba Kanan 1 (PBK1), Tuan Abdullah Din Mohd; Pegawai Bomba Kanan II (PBKII), Puan Nazah Nafi dan PBKII, Tuan Wan Asri Wan Yaacob.

Pengarah Bomba Negeri, Azmi Osman berkata, ketika kebakaran berlaku lima (5) jentera dengan 39 anggota dari Balai Bomba Kota Bharu, Pengkalen Chepa, dan Darul Naim dihantar ke tempat kejadian.

Anggota bomba cuba memadam api, namun menghadapi kesukaran disebabkan masalah bekalan air yang tidak mencukupi namun masih berusaha mengawalinya. Secara keseluruhan kebakaran berjaya dikawal dalam tempoh dua jam. Kebakaran itu memusnahkan bahagian belakang gudang tersebut dan sebuah lori tangki kosong yang diletakkan berhampiran.

MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SERI BALIK PULAU, PULAU PINANG

Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Seri Balik Pulau telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia pada 1 Disember 2012.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg Tuan Yong Bun Fou, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan JBPM, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta masyarakat setempat di sekitar Balik Pulau, Pulau Pinang.

Majlis dimulakan dengan pemeriksaan kawalan kehormatan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung dengan diiringi YS PKPJb Hj. Azmi bin Tamat, Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang. Di dalam ucapannya YB Dato' Seri Chor Chee Heung mengharap kerjasama daripada masyarakat untuk bersama-sama berganding bahu membudayakan keselamatan kebakaran di premis-premis kediaman dan perniagaan.

Para tetamu dan jemputan pada pagi tersebut juga telah di persembahkan Pertunjukan Kebombaanan yang berkonsepkan mengenai Operasi Pemadaman Kebakaran dan "Water Bombing" oleh Bahagian Udara JBPM.

Seterusnya YB Menteri telah melawat Pameran Kebombaanan, Sidang Media dan seterusnya ke sesi bergambar dengan Pengurusan Tertinggi JBPM, Pegawai Kanan JBPM Negeri Pulau Pinang dan Pegawai BBP Seri Balik Pulau.



INTERNATIONAL FIRE CONFERENCE AND EXHIBITION MALAYSIA 2012



International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2012 (IFCEM 2012) yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama *The Malaysia Fire Protection Association (MFPA)*, *The Institution of Fire Engineers (UK) Malaysia Branch* dan Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Bomba dan Penyelamat Malaysia (MASKAB) telah diadakan pada 20 hingga 22 November 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur dan dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu persidangan dan pameran.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Turut hadir di majlis perasmian tersebut adalah YBhg Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pegawai Kanan Kementerian dan JBPM, Dif-Dif Kehormat dan para peserta persidangan.

Persidangan yang bertemakan '*Fire Safety-The Way Forward*' telah memfokuskan kepada empat (4) komponen utama kebombaannya iaitu keselamatan kebakaran (*fire safety*), pengurusan bencana (*disaster management*), pengoperasian kebombaannya (*fire and rescue operation*) dan kelestarian (*sustainability*). IFCEM 2012 dihadiri seramai 1,400 orang peserta yang terdiri daripada ketua-ketua organisasi kebombaannya hingga kepada para profesional daripada 30 buah negara. Di samping itu, seramai 11 orang pakar dalam bidang berkaitan daripada empat (4) benua yang terpilih telah membuat pembentangan kertas kerja di persidangan tersebut.

Manakala untuk aktiviti pameran pula sebanyak 200 petak pameran tersedia untuk syarikat-syarikat dalam dan luar negara mempamerkan produk kebombaannya dan keselamatan kebakaran yang terkini sepanjang penganjuran persidangan tersebut. Persidangan dan pameran peringkat antarabangsa ini dianjurkan bertujuan menjadi platform yang

AKTIVITI BOMBA



terbaik untuk menggalakkan dan mewujudkan rangkaian perkongsian pintar serta kerjasama di kalangan pemain utama industri kebombaannya bagi menyerlahkan produk dan teknologi keselamatan kebakaran yang terkini.

Persidangan yang diadakan tersebut telah memberi faedah kepada kita semua kerana ianya mengingatkan kita tanggungjawab yang perlu ditanggung untuk memastikan rumah kita, bangunan atau premis kita bebas daripada bahaya kebakaran. Pembangunan pesat negara dalam bidang ekonomi dan sosial telah membawa peningkatan risiko-risiko kebakaran yang akan wujud dalam berbagai-bagai bentuk yang perlu diurus dan ditangani dengan bijak, supaya ianya tidak mengundang bencana dan kerugian yang besar kepada nyawa dan harta benda.

Jabatan juga berharap IFCEM 2012 ini akan berjaya membawa masuk penyertaan pemain industri kebombaannya antarabangsa ke Malaysia untuk mengembangkan jaringan kerjasama dan pertukaran teknologi diantara agensi dan industri kebombaannya tempatan dengan rakan-rakan di luar negara. Dengan rancangan yang teliti dan strategi yang berkesan, Malaysia akan menjadi '*focal point*' untuk perkembangan keilmuan industri kebombaannya di rantau ini.

MESS NITE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Pada 3 Disember 2012, bertemak di di Hotel Marriot Putrajaya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan Majlis *Mess Nite* Tahun 2012. Tetamu Kehormat dalam majlis itu ialah YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Haji Amer Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan bersama isteri.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan kejayaan yang dicapai oleh jabatan sepanjang tahun 2012, selain menghargai kerjasama yang jitu YB Dato' Seri Chor Chee Heung dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Majlis yang berlangsung dengan penuh istiadat ini telah bermula pada jam 7.30 petang dengan perarakan masuk tetamu kehormat daripada Pengurusan Tertinggi Kementerian dan Jabatan. Seterusnya para hadirin telah menyanyikan lagu Negaraku dan kemudiannya YB Dato' Seri Chor Chee Heung memberi ucapan "Selamat Maju Jaya" kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebelum jamuan dimulakan.

Untuk sesi kedua pula YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim telah menyampaikan ucapan kepada para dif-dif jemputan berkenaan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh jabatan pada tahun 2012 selain memberi kata-kata perangsang sebagai sumber aspirasi untuk kejayaan pada masa hadapan jabatan. YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim seterusnya telah menyampaikan cenderamata kepada YB. Dato' Seri Chor Chee Heung dan YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak. Majlis yang dihadiri seramai kira-kira 150 orang pegawai jabatan itu telah diiringi persembahan oleh pasukan Kombo Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang diketuai oleh PKPgB Azalin bin Samdin. Majlis telah diakhiri dengan sesi bergambar sebagai kenang-kenangan dengan tetamu kehormat dan dif-dif jemputan.



PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM DI MALAYSIA

